

# Kandungan

Pengenalan.....	03
Biografi Ringkas Mahaguru Ching Hai.....	08
Misteri Dunia Akhirat.....	11
Syarahan oleh Mahaguru Ching Hai 26 Jun 1992, PBB di Bandar New York	
Inisiasi: Kaedah Quan Yin.....	46
Lima Garis Panduan.....	48
Kebaikan Diet Vegan.....	50
Kesihatan dan Pemakanan.....	51
Ekologi dan Alam Sekitar.....	54
Kebuluran Dunia.....	55
Penderitaan Haiwan.....	55
Orang Suci dan Orang Sehaluan.....	56
Guru Jawab Soalan.....	58
Veganisme: Penyelesaian Terbaik kepada Krisis Air Global.....	67
Berita Baik untuk Vegan.....	69
Restoran Vegan di Seluruh Dunia.....	70
Terbitan.....	89
Bagaimana Hubungi Kami.....	98

## Muat Turun Buku Sampel Percuma

Kunci Makrifat Serta-merta (dalam lebih 80 bahasa)

<http://sb.godsdirectcontact.net/>

<http://www.direkter-kontakt-mit-gott.org/download>

**S**aya tak tergolong kepada agama Buddha atau Katolik. Saya tergolong kepada Kebenaran dan saya mengkhutbahkan Kebenaran. Anda boleh panggilnya agama Buddha, Katolik, Taoisme atau apa-apa saja yang anda suka. Saya mengalu-alukan semuanya!"

~ Mahaguru Ching Hai ~

**D**engan memperoleh kedamaian batin, kita akan memperoleh segala-galanya yang lain. Segala kepuasan, kemakbulan hasrat duniaawi dan firdausi datang dari Alam Tuhan - kesedaran dalam tentang keharmonian abadi, kebijaksanaan abadi dan kuasa besar kita. Jika kita tidak memperoleh ini, kita takkan mendapat kepuasan, tidak kira berapa banyak wang atau kuasa atau berapa tinggi kedudukan yang kita ada."

~ Mahaguru Ching Hai ~

**A**jaran kami adalah apa-apa saja yang perlu anda lakukan di dunia ini, lakukannya dengan sepenuh hati. Bertanggungjawab dan bermeditasi juga setiap hari. Anda akan memperoleh lebih banyak pengetahuan, kebijaksanaan dan ketenangan untuk membantu diri dan memberi khidmat kepada dunia ini. Jangan lupa bahawa anda mempunyai kebaikan sendiri dalam diri anda. Jangan lupa bahawa ada Tuhan tinggal di dalam diri anda. Jangan lupa bahawa ada Tuhan dalam hati anda."

~ Mahaguru Ching Hai ~

# Pengenalan

Z

aman-berzaman, manusian dilawati oleh individu-individu luar biasa yang bertujuan untuk meningkatkan rohani umat manusia. Nabi Isa adalah salah seorang pelawat tersebut, begitu juga dengan Buddha Shakyamuni dan Nabi Muhammad SAW. Ketiga-tiga orang ini adalah terkenal tetapi terdapat banyak lagi yang kita tidak mengetahui nama mereka. Sesetengahnya mengajar secara terbuka dan diketahui oleh sebilangan orang, dan yang lain nama tidak diketahui. Individu-individu ini dipanggil dengan nama yang berlainan pada zaman yang berlainan di negara yang berlainan. Mereka dirujuk sebagai Guru, Avatar, Orang Bermakrifat, Penyelamat, Messiah, Ibu Firdausi, Utusan, Santo Hidup dan sebagainya. Mereka datang untuk menawarkan apa yang dipanggil sebagai Makrifat, Penyelamatan, Kesedaran atau Pembebasan kepada kita. Kata-kata yang digunakan bolehlah berbeza tetapi pada dasarnya semuanya memaksudkan perkara yang sama.

Pelawat-pelawat dari Sumber Ketuhanan yang sama, dengan keagungan spiritual, kemurnian moral dan kuasa untuk meningkatkan umat manusia yang sama seperti Orang-orang Suci pada masa silam adalah di sini bersama kita hari ini, namun hanya sebilangan kecil orang tahu akan kehadiran mereka. Salah seorang daripada mereka ialah Mahaguru Ching Hai.

Mahaguru Ching Hai ialah calon yang dirasakan tidak berapa mungkin diakui ramai sebagai Santo Hidup. Beliau seorang wanita dan banyak pengikut Buddha dan orang lain percaya kepada mitos bahawa wanita tidak dapat menjadi Buddha. Beliau berketurunan Asia dan banyak orang Barat menjangkakan Penyelamat mereka nampak seperti mereka. Namun, kami dari seluruh dunia dan dari banyak latar belakang agama yang berlainan yang mengenalinya dan mengikut ajarannya mengetahui siapa beliau sebenarnya. Bagi anda mengetahui ini, ia memerlukan fikiran terbuka dan keikhlasan hati. Ia juga memerlukan masa dan perhatian anda, tetapi tiada apa-apa yang lain lagi.

Orang menghabiskan kebanyakan daripada masa mereka mencari nafkah dan memenuhi keperluan kebendaan. Kita bekerja untuk membuat hidup kita serta mereka yang kita sayangi seselesa yang boleh. Semasa ada masa, kita memberikan perhatian kepada perkara seperti politik, sukan, TV atau skandal terbaru. Kami yang telah mengalami Kuasa Penyayang hubungan dalaman terus dengan syurga mengetahui bahawa hidup bukanlah itu sahaja.

Kami berasa sayangnya Berita Baik ini tidak lebih diketahui ramai. Penyelesaian kepada segala kesusahan hidup adalah terdapat dalam diri kita, menunggu. Kita mengetahui bahawa syurga sangat dekat dengan kita. Maafkanlah kami semasa kami tersilap kerana terlalu ghairah dan mengatakan perkara yang boleh menyenggung perasaan anda. Adalah sukar bagi kami bersenyap setelah melihat apa yang telah kami lihat dan mengetahui apa yang kami tahu.

pengamal kaedahnya (Kaerah Quan Yin) menawarkan buku pengenalan ini kepada anda dengan harapan ia akan membantu anda memperoleh pengalaman Kemakbulan Firdausi, sama ada melalui Guru kami atau mana-mana yang lain.

Mahaguru Ching Hai mengajarkan kepentingan amalan meditasi, tafakur dalaman dan doa. Beliau menerangkan bahawa kita mesti menemui Kehadiran Tuhan dalaman sendiri jika kita ingin benar-benar gembira dalam hidup ini. Beliau beritahu kita bahawa makrifat tidaklah esoterik dan tidak dapat diperoleh, hanya dapat diperoleh oleh mereka yang mengasingkan diri daripada masyarakat. Tugasnya adalah menjagakan Kehadiran Tuhan dalam diri kita sementara kita menjalani hidup yang normal. Beliau menyatakan, *"Macam ini. Kita semua tahu akan Kebenaran. Cuma kita lupa akannya. Jadi kadangkala seseorang perlu datang mengingatkan kita tentang tujuan hidup kita, mengapa kita mesti mencari Kebenaran, mengapa kita mesti bermeditasi dan mengapa kita mesti percaya kepada Tuhan atau Buddha atau sesiapa saja yang kita rasa ialah Kuasa Tertinggi dalam Alam Semesta.* Beliau tidak meminta sesiapa mengikutnya. Beliau hanya menawarkan makrifatnya sendiri sebagai suatu contoh agar orang lain dapat memperoleh Pembebasan Muktamad mereka sendiri.

Buku sampel ini ialah pengenalan kepada ajaran Mahaguru Ching Hai. Ambillah perhatian bahawa syarahan, komen dan petikan oleh Guru Ching Hai di sini adalah diberikan olehnya, direkodkan, ditranskripsikan, kadangkala diterjemahkan daripada bahasa-bahasa lain, kemudian disunting untuk penerbitan. Kami merekomendkan supaya anda mendengar atau menyaksikan pita audio atau video asal. Anda akan memperoleh jauh lebih banyak pengalaman kehadirannya daripada sumber-sumber ini daripada tulisan. Sudah tentu, pengalaman yang paling lengkap adalah melihat orang sebenar.

Bagi sesetengah orang, Guru Ching Hai ialah Ibu mereka, bagi sesetengahnya beliau ialah Bapa mereka dan bagi orang lain beliau ialah Orang Tersayang mereka. Sekurang-kurangnya beliau ialah Kawan terbaik yang boleh anda ada di dunia ini. Beliau berada di sini untuk memberikan sesuatu kepada kita, bukan mengambil. Beliau tidak menerima sebarang bayaran atas ajaran, bantuan atau inisiasinya. Satu-satunya yang akan diambilnya daripada anda ialah penderitaan, kedukaan dan kesakitan anda. Tetapi hanya jika anda inginkannya!

## Mesej Ringkas

**S**ebagai seorang pencipta reka bentuk seni dan guru spiritual, Mahaguru Ching Hai suka akan segala ekspresi keindahan dalaman. Atas sebab inilah beliau merujuk Vietnam sebagai “Au Lac” dan Taiwan sebagai “Formosa”. Au Lac ialah nama silam Vietnam dan bermaksud “kegembiraan”. Nama Formosa pula bermaksud “indah”, mencerminkan keindahan pulau ini dan orangnya dengan lebih sempurna. Guru rasa bahawa menggunakan nama-nama ini akan membawa peningkatan rohani dan tuah kepada negara-negara ini dan penduduknya.

**G**uru ialah orang yang mempunyai kunci untuk anda menjadi Guru... membantu anda menyedari bahawa anda ialah Guru juga dan anda dan Tuhan adalah satu entiti. Itu saja... itu satu-satunya peranan Guru.”

~ Mahaguru Ching Hai ~

“**J**alan kami bukanlah agama. Saya tidak mengalihkan sesiapa ke agama Katolik atau Buddha atau mana-mana ‘isme’ yang lain. Saya hanya menawarkan suatu cara kepada anda untuk mengenali diri anda; mendapat tahu anda datang dari mana; ingat akan misi anda di Bumi sini; menemui rahsia alam semesta; memahami mengapa ada begitu banyak kesengsaraan dan lihat apa yang menunggu kita selepas meninggal dunia.”

~ Mahaguru Ching Hai ~

**K**ita terpisah daripada Tuhan kerana kita terlalu sibuk. Jika seseorang bercakap kepada anda tetapi telefon asyik berdering dan anda sibuk memasak atau berborak dengan orang lain, maka tiada orang yang dapat berhubung dengan anda. Perkara yang sama berlaku dengan Tuhan. Dia memanggil setiap hari tetapi kita tiada masa untuk-Nya dan asyik mengabaikan-Nya.”

~ Mahaguru Ching Hai ~

# Biografi Ringkas Mahaguru Ching Hai

Guru Ching Hai dilahirkan di keluarga kaya di Au Lac, anak perempuan seorang ahli naturopati yang disanjung tinggi. Beliau dibesarkan sebagai penganut Katolik dan mempelajari asas agama Buddha daripada neneknya. Ketika masih kecil lagi, beliau menunjukkan minat dalam ajaran falsafah dan agama serta sikap sangat berbelas kasihan terhadap semua makhluk hidup.

Pada usia 18 tahun, Mahaguru Ching Hai berpindah ke England untuk belajar, kemudian ke Perancis dan Jerman di mana beliau bekerja untuk Palang Merah dan berkahwin dengan seorang ahli sains Jerman. Selepas dua tahun perkahwinan yang bahagia, dengan persetujuan suaminya, beliau tinggalkan perkahwinannya untuk mendapatkan makrifat, dengan itu melaksanakan impian yang ada sejak kecil lagi. Pada masa itu, beliau mempelajari pelbagai amalan meditasi dan disiplin spiritual di bawah bimbingan guru-guru yang ditemuinya. Beliau menyedari kesia-siaan satu orang cuba membantu penderitaan manusia dan mengetahui bahawa cara terbaik untuk membantu orang adalah sendiri mencapai kesedaran penuh. Dengan matlamat luar biasa ini, beliau pergi ke banyak negara yang berlainan untuk mencari kaedah mencapai makrifat yang sempurna.

Melalui ujian dan dugaan selama bertahun-tahun, akhirnya Mahaguru Ching Hai menemui Kaedah Quan Yin dan Transmisi Tuhan di Pergunungan Himalaya. Selepas rajin beramal untuk suatu tempoh masa, dalam khalwatnya di Pergunungan Himalaya, beliau mencapai makrifat penuh.

Dalam tahun-tahun selepas mencapai makrifat, Guru Ching Hai menjalani hidup seorang biksuni Buddha dengan senyap dan rendah hati. Bersifat segan silu, beliau menyembunyikan Khazanah ini sehingga orang meminta ajaran dan inisiasinya. Dengan permintaan dan usaha anak murid awalnya di Formosa dan Amerika, Guru Ching Hai memberikan syarahan di seluruh dunia dan inisiasi kepada berpuluh-puluh ribu orang pencari spiritual yang ikhlas.

Hari ini, semakin banyak pencari Kebenaran dari negara-negara yang berlainan dan semua agama datang kepadanya untuk kebijaksanaan tertingginya. Bagi mereka yang ingin belajar dan mengamalkan kaedah Makrifat Serta-merta yang beliau sendiri mengesahkan sebagai yang tertinggi – Kaedah Quan Yin, Guru Ching Hai sanggup memberikan inisiasi dan bimbingan spiritual lanjut.

**D**unia penuh dengan kesusahan.

Hanya aku penuh dengan-Mu!  
 Jika Engkau ditempatkan di dunia ini,  
 Segala kesusahan akan hilang.  
 Tetapi, oleh sebab dunia ini penuh dengan kesusahan,  
 Aku tiada tempat untuk-Mu!

Akan kujual semua matahari, bulan dan bintang  
 Dalam alam semesta,  
 Hanya untuk membeli satu Jelingan Jelita-Mu.  
 Oh Guru Bersinaran Tak Terhingga!  
 Bermurah hatilah dan pancarkan sedikit cahaya  
 ke dalam Hatiku yang rindu .

Orang di dunia pergi bernyanyi dan menari pada waktu malam,  
 Di bawah cahaya dan muzik duniawi.  
 Hanya kududuk bersendirian dalam Samadhi,  
 Berbuai bersama Sinaran dan Melodi dalaman.

Semenjak aku mengetahui Kemegahan-Mu Oh Tuhan,  
 Aku tak dapat sukakan apa-apa di dunia ini.  
 Melimpahkan Kurnia-Mu kepadaku,  
 Selama-lamanya!  
 Amin

*daripada "Air Mata Kasih Terpendam", koleksi sajak oleh Mahaguru Ching Hai*

# Misteri Dunia Akhirat

Syaranan oleh Mahaguru Ching Hai

26 Jun 1992 (DVD#260)

PBB, New York

**S**elamat datang ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Berdoalah bersama-sama untuk seketika dengan kepercayaan kalian sendiri bahawa kita bersyukur atas apa yang kita ada, apa yang diberikan dan kita harap mereka yang serba kurang akan diberikan seperti apa yang diberikan kepada kita; pelarian dunia, mangsa peperangan, askar, pemimpin negara dan dah tentu pemimpin Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dapat melaksanakan apa yang mereka mahu dengan sempurna dan hidup bersama secara aman.

Kita percaya apa yang kita minta akan diberikan kerana dikatakan begitu dalam Bible. Terima kasih!

Kalian tahu hari ini bahawa tema syaranan kita ialah "Dunia Akhirat" kerana saya tak rasa nak bercakap dengan kalian tentang dunia ini lagi. Itu kalian dah tahu. Tetapi di luar dunia ini, ada dunia lain. Saya rasa kalian yang datang ke sini berminat untuk mengetahuinya. Ia bukanlah sesuatu seperti yang saudara kami katakan tadi tentang keajaiban atau apa-apa saja yang ajaib yang tak dapat kalian percayai. Ia sesuatu yang sangat saintifik, sangat logik dan sangat penting.

Kita semua dengar dalam pelbagai jenis kitab agama yang berlainan, disebut bahawa ada tujuh syurga, ada peringkat-peringkat kesedaran yang berlainan, ada Alam Tuhan dalam diri kita, ada Sifat Buddha dan sebagainya. Ini adalah apa yang dijanjikan di dunia akhirat. Tapi tak banyak orang dapat memperoleh apa yang dijanjikan dalam kitab-kitab ini, tak banyak. Saya tak kata tiada tetapi tak banyak. Berbanding dengan populasi dunia ini, orang yang dapat masuki Alam Tuhan di dalam atau apa yang kita panggil "dunia akhirat" adalah sangat sedikit.

Jika kalian di Amerika, barangkali kalian ada banyak peluang untuk membaca banyak buku yang menggambarkan perkara di luar dunia kita. Beberapa filem yang orang Amerika buat bukanlah semuanya fiksyen. Ada beberapa filem yang dibuat oleh orang Jepun yang bukan semuanya fiksyen juga. Kerana barangkali orang ini telah membaca buku yang ditulis oleh mereka yang pernah ke luar dunia ini atau mereka sendiri ternampak sepintas lalu Alam Tuhan.

Jadi ada apa di Alam Tuhan? Mengapakah harus kita mempedulikan Alam Tuhan jika kita dah ada banyak kerja untuk dibuat di dunia ini dan kita ada pekerjaan, kita ada rumah yang selamat dan kita ada hubungan intim yang mencukupi dan sebagainya? Sebenarnya oleh sebab kita dah ada semua ini, kita harus mengambil berat tentang Alam Tuhan.

Kedengaran terlalu bersifat keagamaan semasa kita kata Alam Tuhan. Sebenarnya ini hanyalah peringkat kesedaran yang lebih tinggi. Orang pada zaman dahulu berkata bahawa ini ialah syurga, tetapi dalam istilah sains, kita boleh kata, ini ialah peringkat pengetahuan yang lebih tinggi, peringkat kebijaksanaan yang lebih tinggi. Ini kita dapat peroleh jika kita tahu caranya.

Baru-baru ini di Amerika, kita semua ada dengar tentang ciptaan terbaru. Orang malah ada mesin untuk membuat kita masuki Samadhi. Pernah kalian alaminya? Ia dijual di Amerika. Empat hingga tujuh ratus, bergantung kepada apa peringkat yang kita mahu. Mereka kata ini adalah untuk orang malas yang tak nak bermeditasi, hanya nak terus masuki Samadhi. Sekarang, kalau-kalau kalian tak tahu, saya akan menerangkannya.

Mereka kata bahawa mesin sebegini dapat membuat fikiran kita relaks, kemudian kita akan mencapai tahap IQ yang tinggi. Ini akan memberikan pengetahuan dan kebijaksanaan yang tinggi kepada kita, kemudian kita rasa hebat dan sebagainya. Mesin ini menggunakan muzik terpilih, muzik luaran, jadi kita perlukan fon telinga, kemudian mereka pasang elektrik, barangkali arus yang merangsang kita, kemudian barangkali kita nampak pancaran cahaya. Jadi kita perlukan kain penutup mata juga. Fon telinga dan kain penutup mata, itu saja yang kita perlukan untuk Samadhi. Ini sangat bagus dan empat ratus dollar, sangat murah. Tapi Samadhi kami lagi murah, tiada kos dan selama-lamanya. Kita tak perlu mengecas dengan bateri atau tenaga elektrik, memasang palam, mencabut palam atau jika mesin rosak, kita tak perlu pergi membaikinya.

Cahaya dan muzik buatan pun dapat membuat orang menjadi begitu relaks dan bijak, seharusnya dapat memberikannya kepada mereka, saya terbaca di akhbar tentang apa yang dapat dibuatnya tapi belum cuba sendiri. Jadi itu sebabnya ia sangat hangat dan dijual dengan banyak, saya dengar. Benda buatan ini pun dapat membuat kita relaks dan tingkatkan IQ kita, maka boleh kalian bayangkan berapa banyak yang dapat benda sebenar bantu kita dalam kebijaksanaan kita? Benda sebenar adalah di luar dunia ini tetapi dapat diperoleh oleh setiap orang jika kita ingin berhubung dengannya. Ini ialah Muzik dan Bunyi syurga dalaman. Bergantung kepada intensiti Cahaya atau Muzik dalaman ini, kita dapat menolak diri kita ke luar dunia ini, memasuki tahap pemahaman yang lebih tinggi.

Agaknya ini sama seperti hukum fizik. Kita nak hantar roket ke angkasa lepas, melangkaui gravity, kita perlu ada banyak kuasa tolak di belakangnya dan semasa ia terbang dengan cepat ia mengeluarkan cahaya juga. Jadi saya agak semasa kita bergerak dengan cepat ke dunia akhirat, kita boleh memancarkan Cahaya juga dan kita dapat dengar Bunyi juga.

Bunyi ini ialah Kuasa Getaran yang menolak kita ke peringkat yang lebih tinggi tapi ia melakukannya dengan tanpa sebarang bunyi bising, tanpa kesusahan serta tiada kos dan ketidakselesaan kepada orang yang alaminya. Itu cara masuki dunia akhirat.

Apa yang dunia akhirat lebih baik daripada dunia kita? Segala-galanya yang boleh dan tak boleh kita bayangkan. Setelah kita alaminya, maka kita tahu. Tiada orang lain yang dapat benar-benar beritahu kita. Tapi kita perlu teruskannya dan benar-benar ikhlas, jika tidak tiada orang lain yang dapat lakukannya untuk kita. Sama seperti tiada orang lain yang dapat menggantikan kamu untuk bekerja di pejabat PBB dan mendapat bayaran untuknya. Sama seperti tiada orang lain yang dapat bantu kita makan dan kita rasa puas. Oleh itu, jalan ini perlu dialami. Kita boleh dengar seseorang yang ada pengalaman beritahu kita tetapi kita tak dapat memperoleh banyak pengalaman daripadanya. Kita boleh alami pengalaman ini sekali, beberapa kali atau beberapa hari disebabkan oleh kuasa orang yang pernah alami Tuhan itu. Mungkin kita nampak sedikit Cahaya atau terdengar sedikit Bunyi dengan tanpa usaha kita tetapi biasanya ia tak tahan lama. Jadi kita perlu alaminya dan lakukannya dengan sendiri juga.

Di luar dunia ini, ada banyak dunia yang berlainan. Kita boleh berikan suatu contoh, seperti dunia yang lebih tinggi sedikit daripada kita. Apa yang kita panggil dunia Astral dalam istilah Barat. Di dunia Astral, ada lebih seratus peringkat yang berlainan. Setiap peringkat ialah sebuah dunia dan ia mewakili tahap pemahaman kita. Sama seperti kita masuki universiti, kemudian setiap gred sewaktu kita di universiti, ia mewakili pemahaman kita lebih tinggi tentang ajaran universiti, kemudian perlahan-lahan kita mendapat ijazah.

Di dunia Astral, kita akan lihat banyak jenis kononnya keajaiban, barangkali kita akan tertarik oleh keajaiban dan barangkali kita akan ada keajaiban juga. Kita dapat menyembuhkan pesakit, kadangkala kita dapat lihat perkara yang orang lain tak dapat lihat. Kita ada sekurang-kurangnya enam jenis kuasa ajaib. Kita dapat lihat melangkaui batas biasa, kita dapat dengar melangkaui had ruang. Jarak tiada bezanya kepada kita. Itu apa yang kita panggil telinga dan mata syurga. Kita juga dapat mengetahui fikiran orang dan apa yang dia fikirkan kadangkala kita dapat lihat dan sebagainya. Ini ialah kuasa yang kadangkala kita peroleh apabila kita sampai ke Peringkat Pertama Alam Tuhan.

Di Peringkat Pertama ini, saya dah kata bahawa ada banyak peringkat yang berlainan yang menawarkan jauh lebih banyak daripada yang dapat bahasa gambarkan. Misalnya selepas inisiasi, kita bermeditasi dan jika peringkat kita adalah di Peringkat Pertama, maka kita ada lebih banyak keupayaan. Kita malah akan meningkatkan bakat kesusasteraan yang kita tiada sebelumnya. Kita juga mengetahui banyak perkara yang orang lain tidak tahu dan banyak benda datang kepada kita seperti hadiah dari syurga, kadangkala dari segi kewangan, kadangkala dari segi kerjaya dan kadangkala banyak benda yang lain. Kita mula dapat menulis sajak atau mungkin dapat melukis gambar dan kita dapat melakukan perkara yang tak dapat kita lakukan sebelumnya dan kita tak dapat bayangkan kita dapat melakukannya. Itu Peringkat Pertama. Kita dapat menulis sajak dan menulis buku dengan gaya yang indah. Kita bukan penulis profesional sebelumnya tetapi sekarang kita dapat menulis, misalnya. Ini ialah manfaat kebendaan yang kita dapat apabila kita di Peringkat Kesedaran Pertama.

Sebenarnya benda ini bukan hadiah Tuhan. Benda ini ada di syurga dalam diri kita dan hanya kerana kita telah menyedarkannya, ia menjadi hidup, kemudian kita dapat menggunakannya. Inilah sedikit maklumat tentang Peringkat Pertama.

Sekarang apabila kita pergi ke peringkat yang lebih tinggi, maka kita lihat banyak perkara yang lain dan capai banyak perkara yang lain. Dah tentu saya tak dapat beritahu kalian segalanya disebabkan masa. Kalian juga tak perlu dengar segala perkara baik tentang kek dan gula-gula tetapi tak makannya. Oleh itu, saya hanya membuka selera sikit dan jika kalian ingin makannya, itu perkara lain. Kami boleh tawarkan makanan sebenar selepas ini. Ya! Kalau-kalau kalian ingin makan benda ini.

Sekarang jika kita pergi jauh sikit dari peringkat ini ke Peringkat Kedua, apa yang kita panggil "Kedua", hanya untuk memudahkannya. Peringkat Kedua, barangkali kita akan ada jauh lebih banyak keupayaan daripada Peringkat Pertama dan termasuk keajaiban. Tetapi pencapaian paling ketara yang dapat kita peroleh di Peringkat Kedua ialah kemahiran berucap dan keupayaan untuk berdebat. Kelihatan tiada orang yang dapat mengalahkan orang yang telah capai Peringkat Kedua kerana dia ada kemahiran berucap yang tinggi dan inteleknya berada di puncak keupayaannya.

Kebanyakan orang yang ada minda biasa atau IQ yang sangat mudah tak dapat bertanding dengan orang ini kerana IQ dia telah terbuka ke tahap yang sangat tinggi. Tetapi ini hanyalah otak fizikal yang berkembang dengan lebih banyak, ini Kuasa mistik, Kuasa syurga, kebijaksanaan yang ada dalam diri kita. Sekarang ia mula terbuka. Di India, orang panggil peringkat ini "Buddhi", bermakna peringkat intelektual. Apabila kita capai "Buddhi", kita menjadi Buddha. Perkataan Buddha datang daripadanya, "Buddhi" dan Buddha. Jadi Buddha hanyalah itu saja. Belum habis lagi. Saya takkan memperkenalkan Buddha sahaja kepada kalian, ada lebih banyak daripada itu.

Jadi kebanyakan orang panggil orang yang bermakrifat sebagai Buddha. Jika dia tak tahu akan dunia di luar Peringkat Kedua, barangkali dia akan berasa sangat bangga dengannya. Ya, berfikir bahawa dia merupakan Buddha hidup dan anak muridnya akan berasa sangat bangga memanggilnya Buddha. Tapi sebenarnya jika dia hanya capai Peringkat Kedua di mana dia dapat lihat masa silam, masa sekarang dan masa depan mana-mana orang yang dipilihnya untuk lihat dan di mana dia ada kemahiran berucap, maka itu belum lagi penghujung Alam Tuhan.

Sesiapa pun tak harus berasa bangga dengan keupayaan melihat masa silam, masa sekarang dan masa depan ini kerana ini ialah rekod Akashic, seperti yang kalian tahu dalam istilah Barat. Kalian yang mengamalkan yoga atau meditasi akan memahami rekod Akashic, iaitu sejenis perpustakaan seperti yang kita ada di bilik sebelah di PBB, dengan semua jenis bahasa di dalamnya. Kita lihat bahasa Arab, Rusia, Cina, Inggeris, Perancis, Jerman, segalanya di dalam perpustakaan kalian di bilik sebelah, semua jenis bahasa. Jika kalian berkeupayaan untuk membaca semua bahasa ini, kalian tahu apa yang berlaku di negara itu. Jadi sama juga, orang yang dapat pergi ke Peringkat Kedua, dia akan faham, dia dapat menginterpretasikan corak seseorang dengan jelas sekali, sebagaimana kita lihat biografi sendiri.

Ada jauh lebih banyak untuk diperoleh daripada Peringkat Kesedaran Kedua. Tapi apabila orang mencapai Peringkat Kedua, itu dah cukup hebat, sudah pun Buddha hidup kerana kita telah membuka Buddhi, intelek. Kita mengetahui banyak perkara yang tak dapat kita namakan. Segala kononnya keajaiban akan berlaku kepada kita, sama ada kita mahu atau tidak kerana intelek kita telah terbuka dan tahu bagaimana berhubung dengan sumber penyembuhan dan pengaturan yang lebih tinggi agar hidup kita akan menjadi lebih lancar dan baik. Intelek atau Buddhi kita telah terbuka agar ia dapat memperoleh semua maklumat yang diperlukan dari masa silam dan masa sekarang untuk mengatur dan mengatur semula atau memampas sesuatu kesilapan yang telah kita buat pada masa silam bagi membetulkan kesilapan dan memperbaik

hidup kita.

Misalnya, jika kita tidak tahu bahawa kita telah berbuat salah terhadap jiran kita dengan perbuatan tak sengaja, sekarang kita tahu. Sangat senang! Jika dulu kita tidak tahu dan jiran bermusuhan dengan kita dan kadangkala cuba melakukan sesuatu di belakang kita untuk memudaratkan kita disebabkan salah faham atau kerana kita melakukan sesuatu yang salah terhadap jiran, sekarang kita tahu mengapa ini berlaku. Jadi senang saja. Kita boleh pergi melawat jiran atau menelefon mereka atau mengadakan majlis, menjemput jiran datang, kemudian hapuskan salah faham.

Sama juga apabila kita sampai ke peringkat intelektual, secara automatik, maksud saya secara diam-diam memahami semua ini dan secara diam-diam mengatur semua ini atau berhubung dengan sumber kuasa yang dapat membantu kita mengatur perkara ini untuk memperbaik cara hidup kita, memperbaik jalan hidup kita. Jadi kita meminimumkan banyak kemalangan, situasi yang tak diingini dan keadaan yang buruk dalam hidup kita. Ya! Ya! Oleh itu, apabila kita sampai ke Peringkat Kedua, itu dah cukup hebat.

Oleh itu, apa yang saya terangkan kepada kalian adalah sangat saintifik dan logik dan tak perlu berfikir bahawa seorang yogi atau orang yang bermeditasi ialah orang yang mistik atau makhluk asing. Mereka ialah orang dunia ini, seperti mana-mana daripada kita, yang telah berkembang kerana tahu caranya.

Di Amerika, kita kata segala-galanya bergantung kepada mengetahui caranya, jadi kita dapat mempelajari segala-galanya. Betul? Kita dapat mempelajari segala-galanya. Jadi ini ialah sejenis sains dunia akhirat yang boleh kita pelajari juga. Ini kedengaran sangat aneh tetapi lagi tinggi lagi mudah. Ia lebih mudah daripada kita pergi ke sekolah menengah atau kolej dengan segala soalan dan masalah matematik yang sangat rumit ini.

Di Peringkat Kedua, ada banyak peringkat yang berlainan juga. Tapi saya buatnya ringkas kerana saya tak dapat memperincikan semua rahsia syurga. Kalian akan mengetahui semua ini juga apabila kalian membuat perjalanan bersama seorang Guru yang sudah membuat perjalanan ke sana. Jadi ini bukanlah rahsia. Tapi terlalu lama jika kita berhenti di setiap peringkat yang ada subperingkat dan melihat segala-galanya, ini mengambil masa yang terlalu lama. Jadi kadangkala Guru membawa kalian dari peringkat ke peringkat sepintas lalu dengan cepat sekali. Kerana jika kalian bukan nak menjadi Guru, maka kalian tak perlu belajar begitu banyak. Ia akan menyebabkan kalian sakit kepala. Oleh itu, hanya membawa kalian melaluinya dan balik ke Rumah, kerana begitu pun mengambil masa yang lama. Kadangkala ia mengambil masa sepanjang hidup. Tapi makrifat kita dapat dengan serta-merta.

Tapi ini hanyalah permulaan, sama seperti pendaftaran masuk. Pada hari pertama kita mendaftar masuk ke universiti, kita menjadi pelajar universiti dengan serta-merta. Tapi ini bukan Ph.D. Selepas enam tahun, empat tahun atau dua belas tahun, kita mendapat ijazah. Tapi kita menjadi pelajar universiti dengan serta-merta jika itu universiti sebenar dan jika kita mendaftar masuk, benar-benar ingin menjadi seorang pelajar universiti. Jadi kedua-dua belah perlu bekerjasama.

Sama juga, jika kita ingin pergi ke luar dunia ini, misalnya, katakan hanya untuk berseronok, kerana tiada tempat lain untuk pergi di New York, kita telah tahu segala-galanya tentang Manhattan, Long Beach, "short beach" dan semua pantai. (Gelak ketawa.) Sekarang katakan kita ingin membuat perjalanan ke tempat makhluk asing untuk melihat apa yang berlaku. Boleh? Apa salahnya? Kita membayar banyak wang untuk pergi ke Miami, Florida hanya untuk mandi di laut, jadi mengapa kita tak boleh kadangkala pergi ke dunia-dunia yang berlainan di luar dunia ini untuk melihat macam mana rupanya planet jiran kita dan bagaimana orang hidup di sana. Saya tak rasa ini adalah aneh, bukan? Ini hanya perjalanan yang lebih jauh sikit, perjalanan mental, perjalanan spiritual dan bukan perjalanan fizikal. Ada dua jenis perjalanan. Jadi ini sangat logik dan senang difahami.

Sekarang kita di Peringkat Kedua. Apa lagi yang harus saya beritahu kalian? Jadi itu bagaimana kita teruskan di dunia ini tapi kita ada pengetahuan tentang dunia-dunia lain pada masa yang sama kerana kita membuat perjalanan.

Sama seperti kalian ialah warga Amerika atau mana-mana warga dunia yang lain tapi kalian membuat perjalanan dari negara ke negara untuk mengetahui rupa negara jiran. Agaknya banyak daripada kalian di PBB bukanlah orang Amerika, kan? Ya. Jadi sekarang kalian tahu ini perkara yang sama. Kita boleh membuat perjalanan ke planet lain atau peringkat hidup yang lain untuk memahaminya. Kerana jarak begitu jauh sehingga kita tak dapat berjalan, tak dapat menaiki roket, tak dapat menaiki UFO pun.

Sesetengah dunia lebih jauh daripada yang dapat UFO capai. UFO! Objek yang tak dapat dikenal pasti. Objek yang boleh terbang, ya! Ada suatu kemudahan dalam diri kita yang lebih cepat daripada mana-mana UFO. Itu roh kita sendiri. Kita dapat terbang dengan ini, tanpa sebarang bahan api, tanpa polis, kesesakan lalu lintas atau apa-apa pun. Tak perlu risau suatu hari orang Arab tak menjual minyak kepada kita, (Gelak ketawa.) kerana ia mampu diri. Takkan rosak melainkan semasa kita nak rosakkannya dengan melanggar rukun alam semesta atau mengganggu keharmonian syurga dan Bumi yang sangat senang dilakukan. Kami akan beritahu kalian caranya jika kalian berminat untuk mengetahuinya.

Misalnya, saya akan bercakap secara ringkas, okey? Saya bukan seorang pengkhutbah. Jangan risau, saya tak bawa kalian ke gereja. Sebagai contoh saja.

Ada beberapa hukum dalam alam semesta yang harus kita tahu, sama seperti semasa kita memandu kereta, kita mesti mengetahui peraturan jalan raya. Lampu merah, kita berhenti; lampu hijau, kita jalan; memandu di sebelah kiri, di sebelah kanan dan sebagainya. Lebuh raya, berapa laju. Jadi ada beberapa hukum yang sangat mudah dalam alam semesta fizikal. Di luar dunia kita, di luar alam semesta fizikal ini, tiada hukum langsung. Kita ialah warga bebas, tapi kita perlu melangkauinya untuk menjadi bebas. Asalkan kita masih tinggal di dunia ini dalam badan fizikal, kita harus mematuhi hukum ini sebanyak yang boleh agar kita tidak mendapat susah. Kenderaan kita juga tidak rosak agar kita dapat terbang dengan lebih cepat dan tinggi dengan tanpa masalah.

Hukum ini telah tertulis dalam Bible Kristian, Kitab Buddha atau Kitab Hindu. Yang sangat mudah adalah seperti kita tidak mencederakan makhluk lain, kita tidak membunuh, "anda tidak harus membunuh", tidak berzina, tidak mencuri dan tidak mengambil intoksikan, ini termasuk dadah hari ini. Barangkali Buddha tahu pada abad ke-20, kita akan mencipta kokaina dan sebagainya, jadi baginda kata jangan mengambil dadah. Dadah termasuk segala jenis perjudian dan apa-apa saja yang membuat fikiran kita terikat kepada keseronokan fizikal dan lupa akan perjalanan spiritual.

Jika kita ingin terbang dengan cepat, tinggi dan tanpa bahaya, ini ialah hukum fizikal seperti hukum fizik. Semasa roket ingin terbang, ahli sains perlu mematuhi hukum tertentu. Itu saja, okey? Jadi betapa banyak lagi yang mesti kita berhati-hati kerana kita ingin terbang dengan lebih tinggi daripada itu, lebih tinggi daripada yang dapat roket terbang, lebih cepat daripada UFO. Tapi ada beberapa perincian lagi yang boleh diterangkan jika kalian berminat, ini adalah pada masa inisiasi. Sekarang kami tak nak membuat kalian bosan dengan semua garis panduan yang kalian kata, "Saya dah tahu. Saya dah tahu. Saya ada bacanya dalam Bible. Sepuluh rukun, kan? Sepuluh rukun."

Sebenarnya banyak daripada kita baca rukun tapi tak begitu ambil berat tentangnya atau tak berapa memahaminya. Atau mungkin kita ingin faham sebagaimana yang kita mahu tetapi bukan maksud sebenarnya. Oleh itu, tak memudaratkan kadangkala mengingatkan kita atau mendengar maksudnya yang lebih dalam sikit sekali lagi. Misalnya dalam Bible, dalam Wasiat Lama, muka surat pertama, Tuhan berfirman, *Aku mencipta segala haiwan untuk berkawan dengan engkau dan membantu engkau dan engkau harus menjaga mereka.* Kemudian Dia kata bahawa Dia mencipta segala makanan untuk haiwan, setiapnya jenis yang berlainan. Tapi Dia tak suruh kita makan mereka. Tidak! Dia berfirman, *Aku mencipta segala makanan, segala herba di padang dan buah-buahan pada pokok yang enak dirasa dan seronok dilihat. Ini ialah makananmu.* Tapi tak banyak orang memberi perhatian kepadanya. Begitu banyak pengikut Bible masih makan daging dengan tak memahami apa yang benar-benar Tuhan maksudkan.

Jika kita lihat kajian sains yang lebih dalam, kita akan tahu bahawa kita bukan untuk makan daging. Sistem kita, usus kita, perut kita, gigi kita, secara saintifik segalanya dibuat untuk diet vegan saja. Tak hairanlah kebanyakan orang sakit, menua dengan cepat, berasa letih dan lembap walaupun mereka dilahirkan dengan begitu bijak dan cerdik. Mereka menjadi makin hari makin tumpul sikit dan lagi tua terasa lagi teruk. Ini kerana kita merosakkan "kenderaan" kita atau "objek terbang" kita atau "UFO" kita. Jadi jika kita ingin menggunakan "kenderaan" ini dengan lebih lama dan selamat sikit, maka kita perlu menjaganya dengan cara yang betul.

Misalnya, kita ada sebuah kereta. Kalian memandu kereta. Jika kalian memasukkan petrol yang tak betul ke dalamnya, apa yang akan berlaku? Barangkali ia akan bergerak beberapa kaki saja lalu berhenti. Kalian tak boleh menyalahkan kereta ini. Itu silap kita memasukkan bahan api yang tak sesuai. Atau jika petrol kita ada air di dalamnya, barangkali ia dapat bergerak untuk seketika tapi ia ada masalah. Atau jika minyak kita telah menjadi terlalu kotor dan kita tak membersihkannya, ia akan bergerak untuk seketika tetapi kita akan alami masalah. Kadangkala ia meletup kerana kita tak menjaga kereta kita dengan cara yang betul.

Sama juga, badan kita adalah seperti sebuah kenderaan yang boleh kita gunakan untuk terbang dari sini ke alam baqa, ke peringkat kebijaksanaan saintifik yang sangat tinggi. Tapi kadangkala kita merosakkannya dan tak menggunakan untuk tujuan yang betul. Misalnya, kereta kita adalah untuk bergerak sejauh berbaru-batu bagi membawa kita ke pejabat, ke tempat kawan kita dan pemandangan indah yang berlainan. Tapi kita tak menjaganya, kita masukkan petrol yang tak betul, tak tukar minyak atau tak menjaga tangki airnya, segalanya. Kemudian ia tak bergerak dengan cepat sangat. Ia tak bergerak dengan jauh sangat. Kita hanya berpusing di halaman rumput, kawasan belakang rumah kita. Itu tak apa juga. Tapi kita mensia-siakan tujuan kita membeli kereta. Ini membazirkan wang, masa dan tenaga kita. Itu saja. Tiada orang yang boleh disalahkan. Tiada polis yang akan menuduh kita atas itu. Cuma kita membazirkan kereta, membazirkan wang kita sedangkan kita boleh pergi ke tempat yang sangat jauh, melihat banyak benda dan menikmati pemandangan yang berlainan.

Sama juga, badan fizikal kita. Kita boleh tinggal di dunia ini tapi kita boleh memastikan bahawa dalam badan fizikal kita, kita ada alat lain, bahawa kita dapat terbang melangkauinya. Sama seperti angkasawan, dia duduk di dalam roket. Roket ialah alatnya. Dia harus memastikan bahawa dia tak melanggar hukum fizik agar roketnya akan terbang dengan selamat dan cepat. Tapi angkasawan di dalam adalah penting. Roket itu membawanya ke destinasiannya tapi roket bukanlah objek utama – angkasawan, destinasiannya. Jika dia gunakannya untuk pergi ke Long Island saja, maka membazirkan masa juga. Membazirkan wang negara.

Oleh itu, badan kita sangat berharga kerana di dalamnya terdapat Guru. Sebab itulah dalam Bible, dinyatakan, *tahu tak anda bahawa anda ialah rumah ibadat Tuhan dan Tuhan Yang Maha Berkuasa tinggal di dalam diri anda*, Roh Kudus, sama juga. Jika kita menempatkan Roh Kudus atau Tuhan Yang Maha Berkuasa, boleh kalian bayangkan betapa signifikannya! Tapi banyak orang membaca ini dengan cepat dan tak faham, tak menyedari keagungan ayat ini dan tak cuba mendapat tahu. Jadi itu sebabnya anak murid saya ingin mengikut ajaran saya, kerana mereka boleh mendapat tahu siapa tinggal di dalam dan ada apa di luar dunia ini, selain kesusahan harian, pencarian wang dan segala masalah fizikal ini.

Kita ada lebih banyak kecantikan, lebih banyak kebebasan, lebih banyak pengetahuan di dalam. Jika kita tahu cara yang betul untuk berhubung dengannya, semua ini milik kita kerana kita adanya di dalam. Cuma kerana kita tak tahu di mana kuncinya, kita telah mengunci "rumah" ini untuk masa yang lama dan sekarang kita telah lupa bahawa kita ada harta ini. Itu saja.

Jadi kononnya Guru ialah orang yang dapat membantu kita membuka pintu dan menunjukkan apa yang pada asalnya sudah pun merupakan milik kita. Tapi kita perlu mengambil masa, berjalan masuk ke dalamnya dan memeriksa setiap item yang kita ada.

Kita di Dunia Kedua. Adakah kalian berminat untuk pergi lebih jauh lagi? (Audiens: Ya! Ya!) Kalian nak tahu segala-galanya dengan tanpa usaha? (Guru ketawa.) Baiklah. Tapi sekurang-kurangnya seseorang dapat memberitahu kalian bagaimana rupanya negara lain semasa dia pernah ke sana meskipun kalian tak pernah. Betul? Sekurang-kurangnya kalian berminat, mungkin kalian nak pergi ke sana. Baiklah. Jadi sekarang lepas Dunia Kedua. Saya belum habiskan semua Dunia Kedua tapi kalian tahu bahawa kita tak dapat duduk di sini sepanjang hari. Lepas Dunia Kedua, kita ada lebih banyak kuasa. Jika kita berazam dan berusaha untuknya, kita akan pergi ke Dunia Ketiga. Kononnya Dunia Ketiga. Ia satu peringkat lebih tinggi.

Orang yang pergi ke Dunia Ketiga perlu bersih sepenuhnya daripada semua hutang dunia ini, sekurang-kurangnya. Jika kita hutang sesuatu kepada raja dunia fizikal ini, kita tak dapat naik ke atas. Sama seperti jika kita ialah penjenayah sesuatu negara, kita ada rekod, kita tak dapat melepassi sempadan untuk pergi ke negara lain. Hutang dunia ini termasuk banyak perkara yang telah kita lakukan pada masa silam, masa sekarang dan mungkin masa depan hidup fizikal kita. Sekarang semua ini perlu dilangsangkan, sama seperti kita melangsangkan cukai kastam, baru dapat kita masuki dunia akhirat. Tapi semasa kita di Dunia Kedua, kita mula menghapuskan sebarang karma hayat silam dan hayat sekarang ini kerana tanpa karma silam, kita tak dapat wujud dalam hayat sekarang ini.

Guru ada dua kategori yang berlainan. Satunya tanpa karma tetapi dia meminjam karma untuk turun ke sini; yang satu lagi adalah seperti kita, orang biasa, tetapi dengan karma dibersihkan. Jadi sesiapa pun boleh menjadi Guru masa depan. Kadangkala Guru turun dari dunia yang lebih tinggi dengan karma yang dipinjam. Ia kedengaran macam mana bagi kalian, meminjam karma? (Guru ketawa.) Ini boleh dilakukan.

Misalnya sebelum kita turun ke sini, kita pernah berada di sini dulu. Kita memberi dan mengambil daripada orang yang berlainan di dunia ini selama berzaman-zaman atau beratus-ratus tahun. Kemudian kita kembali ke syurga atau kediaman kita yang sangat jauh, peringkat yang berlainan, sekurang-kurangnya ke Peringkat Kelima. Itu rumah Guru, Peringkat Kelima. Tapi di atasnya ada banyak peringkat lagi.

Sekarang apabila kita nak kembali sekali lagi disebabkan belas kasihan atau tugas yang diberikan oleh Bapa, misalnya, maka kita turun ke sini. Disebabkan oleh pertalian dengan orang pada masa silam, kita dapat meminjam sedikit karma mereka. Hanya hutang, tiada apa-apa yang baik pada orang. Kita boleh meminjam sedikit hutang, kemudian melangsikannya dengan kuasa spiritual kita dengan perlahan-lahan sehingga kita habiskan tugas di dunia ini. Jadi ini ialah jenis Guru yang berlainan. Ada juga Guru dari dunia ini, selepas beramat mereka menjadi Guru dengan serta-merta di sini, sama seperti mereka mendapat ijazah. Ya. Oleh itu, sama seperti di universiti ada profesor dan pelajar yang mendapat ijazah dan menjadi profesor selepas itu. Ada profesor lama dan profesor yang baru mendapat ijazah dan sebagainya. Sama juga, ada Guru sebegini.

Jadi sekarang jika kita nak pergi ke Dunia Ketiga, kita mestilah bersih sepenuhnya daripada semua karma. Karma ialah hukum *Apa yang anda semaikan, anda akan mendapatnya*. Sama seperti kita menyemaikan benih oren, maka kita mendapat oren; benih epal, kita ada epal, jadi ini ialah kononnya karma. Ia merupakan bahasa Sanskrit bagi sebab dan balasan. Bible tak berkata tentang karma tapi berkata, *Apa yang anda semaikan, anda akan mendapatnya*. Itu perkara yang sama.

Bible merupakan bentuk ringkas ajaran Guru dan hidupnya singkat juga. Oleh itu, tiada penjelasan yang banyak dalam Bible. Banyak versi Bible juga telah ditapis supaya sesuai dengan kononnya pemimpin gerakan ini, tak semestinya sentiasa orang yang spiritual. Dalam setiap jenis aspek, orang membeli dan menjual segala-galanya. Ada broker dalam setiap aspek hidup. Tapi Bible sebenar, kita tahu adalah berbeza sikit, lebih panjang sikit, lebih tepat dan lebih senang difahami. Tapi oleh sebab kita tak dapat banyak membuktikannya, jadi kita tak bercakap tentangnya, kalau-kalau orang kata bahawa kita mengkufurinya. Jadi kita hanya boleh mengatakan sesuatu yang dapat kita buktikan.

Kalian akan tanya saya, "Kamu bercakap tentang Dunia Kedua, Dunia Ketiga dan Dunia Keempat ini. Macam mana boleh kamu buktikan?" Saya dapat buktikannya! Jika kalian berjalan bersama saya, jalan yang sama, kalian akan lihat benda yang sama. Tapi jika kalian tak berjalan, maka saya tak dapat buktikannya kepada kalian. Dah tentu. Dah tentu. Oleh itu, saya berani bercakap tentang perkara ini kerana ada bukti. Kami ada bukti dengan beratus-ratus ribu anak murid di seluruh dunia. Jadi kami boleh mengatakan perkara yang kami tahu. Tapi ini kalian perlu berjalan bersama saya, kalian perlu berjalan. Jika tidak, kalian tak boleh kata, "Kamu berjalan untuk saya, beritahu saya dan tunjukkan segala-galanya kepada saya." Saya tak dapat.

Misalnya, jika saya tak berada di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di dalam bilik ini, tak kira berapa banyak kalian beritahu tentang bilik ini, saya tak benar-benar mengalaminya. Betul? Jadi kita perlu berjalan bersama sesiapa yang merupakan pembimbing yang berpengalaman. Saya ada anak murid di bilik ini yang ada kewarganegaraan yang berlainan, mereka ada pengalaman yang baru saya beritahu kalian ini, sebahagiannya dan sesetengahnya sepenuhnya.

Lepas Dunia Ketiga... Ini bukanlah segala-galanya. Apa yang saya beritahu kalian hanyalah sebahagian daripadanya. Itu kisah perjalanan saja, menceritakan sebahagian kecil perkara dan tak terperinci sangat. Semasa kita membaca buku tentang sesebuah negara pun, itu bukan negara sebenar. Betul? Oleh itu, kita ada banyak buku tentang pelancongan, tentang negara-negara yang berlainan di dunia tapi kita tetap nak pergi ke sana dengan sendiri. Kita tahu tentang Sepanyol, Tenerife dan Greece tetapi itu hanyalah filem atau buku. Kita perlu pergi ke sana dan benar-benar mengalami keseronokan berada di sana, makanan yang ditawarkan oleh mereka, air laut yang menyeronokkan, cuaca yang baik, orang yang mesra dan segala jenis suasana yang tak dapat kita alami dengan membaca buku.

Jika kita telah melalui Dunia Ketiga, apa seterusnya? Dah tentu, kita pergi ke dunia yang lebih tinggi, Dunia Keempat. Dunia Keempat, ini sudah luar biasa. Kita tak dapat gunakan bahasa mudah saja untuk menggambarkan semua perkara ini kepada orang biasa kerana takut menyinggung raja dunia itu. Kerana dunia itu adalah begitu indah walaupun sesetengah bahagian adalah sangat gelap, lebih gelap daripada malam tenaga elektrik terputus di New York. Pernahkah kalian alami seluruh bandar dalam kegelapan? Ya! Ia lebih gelap daripada itu! Tapi sebelum kita capai Cahaya, ia lebih gelap daripada itu. Ia merupakan bandar larangan. Sebelum kita capai pengetahuan Tuhan, kita berhenti di sana. Tapi dengan Guru yang berpengalaman, kita dapat melaluinya, jika tidak, kita tak dapat cari jalan di dunia sebegini.

Apabila kita sampai ke alam yang berlainan, kita bukan saja mengalami perubahan spiritual tetapi juga perubahan fizikal, perubahan intelektual dan segalanya yang lain dalam hidup kita. Kita melihat hidup dengan cara yang berlainan, kita berjalan dengan berbeza, kita bekerja dengan berbeza. Kerja harian kita pun mempunyai erti yang berlainan dan kita faham mengapa kita bekerja dengan sebegini, mengapa kita perlu melakukan kerja ini atau mengapa harus kita bertukar kerja. Kita memahami tujuan hidup kita, jadi kita tak berasa resah dan runting lagi, ya! Tapi kita menunggu misi kita di Bumi habis dengan penuh sabar kerana kita tahu ke mana akan kita pergi seterusnya. Kita tahu sementara kita masih hidup. Ini adalah apa yang dikatakan, "Mati sementara hidup." Ya, ya! Agaknya sesetengah daripada kalian pernah dengar sesuatu macam itu sebelumnya, tapi saya tak tahu mana-mana Guru yang boleh mengatakan sesuatu yang berlainan, (Guru ketawa.) kecuali kita perlu mengalami kegembiraan sebenar visi dalaman.

Macam mana boleh sesiapa menggambarkan Mercedes Benz secara berlainan. Ia seharusnya perkara yang sama. Jadi sesiapa yang memiliki Mercedes Benz, yang tahu akan Benz akan menggambarkan perkara yang sama, tapi itu bukan Benz. Jadi walaupun saya bercakap dengan kalian dengan bahasa yang sangat biasa, namun ini bukanlah perkara biasa dan ini ialah perkara yang perlu kita alami dengan sendiri, dengan usaha, keikhlasan dan bimbingan. Macam itu lebih selamat. Meskipun ia mungkin berlaku, satu dalam sejuta orang, kita dapat capainya dengan sendiri, namun dengan bahaya, risiko dan hasil yang tak terjamin, tak begitu selamat.

Sesetengah orang pada masa dahulu, misalnya Swedenborg mencapainya dengan sendiri. Atau mungkin Gurdjieff, beliau mencapainya dengan sendiri, pergi sejauh itu sendirian. Tapi semasa saya baca karya orang ini, mereka bukanlah tanpa bahaya dan banyak kesusahan, dan tak semestinya mereka semua sampai ke peringkat tertinggi.

Lepas itu kita pergi ke peringkat yang lebih tinggi. Lepas Peringkat Keempat, kita pergi ke peringkat yang lebih tinggi, rumah Guru, iaitu Peringkat Kelima. Semua Guru datang dari sana. Meskipun peringkat mereka lebih tinggi daripada Peringkat Kelima, mereka akan tinggal di sana. Ia merupakan kediaman Guru. Lebih tinggi lagi ada banyak aspek Tuhan yang sukar difahami. Saya takut akan mengelirukan kalian, jadi barangkali lain kali saya akan beritahu kalian atau mungkin selepas inisiasi apabila kalian lebih bersedia sikit, saya akan beritahu kalian beberapa perkara hebat tentang imaginasi kalian. Bagaimana kadangkala ia ada banyak idea yang tak betul tentang Tuhan.

## Sesi Soal Jawab Selepas Syarahan

S: Guru kata bahawa Guru boleh meminjam karma orang. Kalau begitu, karma orang ini akan dihapuskan? Apakah kesannya bagi orang ini?

G: Guru boleh menghapuskan karma sesiapa saja jika ini adalah apa yang Guru pilih untuk lakukan. Sebenarnya semua anak murid, pada masa inisiasi, semua karma pada masa silam telah dihapuskan. Saya hanya meninggalkan karma masa sekarang agar kita dapat teruskan dengan hidup ini, jika tidak kita mati dengan serta-merta. Tiada karma, tak dapat hidup di sini. Oleh itu, Guru perlu menghapuskan karma simpanan saja, jadi orang itu adalah bersih, dan meninggalkan sedikit karma untuknya teruskan hidup ini, lakukan apa perlu dilakukannya dalam hayat ini, dan lepas ini, habis. Itu sebabnya dia dapat pergi, jika tidak macam mana boleh dia pergi? Meskipun dia bersih dalam hayat ini, berapa bersih? Dan bagaimana dengan hayat silam, faham?

S: Apakah matlamat amalan Guru?

G: Apakah matlamatnya? Belumkah saya beritahu kamu? Untuk membuat perjalanan melangkui dunia ini, kembali ke Alam Tuhan, mengetahui kebijaksanaanmu dan menjadi orang yang lebih baik dalam hayat ini.

S: Adakah terdapat karma di semua alam?

G: Bukan semua alam, sehingga Alam Kedua saja kerana minda kita, otak kita, komputer ini "dikeluarkan" di Alam Kedua ini. Semasa kita turun dari alam yang lebih tinggi ke alam fizikal ini untuk melakukan sesuatu kerja, misalnya, Guru pun turun dari Alam Kelima ke dunia fizikal, maka dia perlu melalui Alam Kedua, mengambil "komputer" ini dan memasangnya untuk bekerja di dunia ini. Sama seperti penyelam yang menyelam ke dalam laut. Dia perlu melalui persediaan topeng oksigen dan segala-galanya. Walaupun dia sendiri tak nampak begitu pelik, namun semasa dia memakai topeng oksigen dan pakaian selam, dia nampak seperti katak. Itulah rupa kita kadangkala dengan komputer ini dan halangan fizikal. Jika tidak, kita memang cantik. Meskipun kalian

rasa kalian adalah cantik sekarang, kalian begitu hodoh berbanding dengan diri sebenar disebabkan segala alat yang perlu kita pakai untuk menyelam ke dalam dunia ini untuk bekerja.

Jadi selepas kita melalui Peringkat Kedua untuk naik ke atas, kita perlu meninggalkan komputer kita di sana, kita tak perlukannya di atas sana lagi. Sama seperti apabila penyelam sampai ke pantai, dia tanggalkan semua topeng oksigen dan kelengkapan untuk menyelam, dan dia nampak seperti diri yang sebenar. Ya? Baiklah!

S: Guru kata bahawa di hujung Dunia Kedua sebelum kita naik ke atas, kita tinggalkan semua karma atau kita perlu hapuskan atau bersihkan semua karma kita. Adakah ini bermakna semua karma hayat silam yang dibawa bersama ke hayat ini juga?

G: Ya. Kerana tiada "komputer" untuk merekodkan apa-apa pun. Kita hanya ada karma kerana kita ada komputer ini, minda, otak yang bertujuan untuk merekodkan semua pengalaman dunia fizikal ini. Sebab itulah kita adanya. Baik atau buruk kita merekodkannya di sini. Itu apa yang kita panggil karma. Karma ialah apa? Hanyalah pengalaman, baik atau buruk, reaksi kita, pengalaman belajar dalam banyak hayat. Oleh sebab kita ada kononnya hati nurani, kita tahu bahawa kita harus berbuat baik tapi kadangkala kita berbuat jahat. Oleh itu, kita panggil ini ialah karma. Perkara buruk membebani kita, sama seperti banyak sampah, bagasi, kerana hukum graviti, ia menarik kita ke bawah dan membuatnya sukar untuk memanjat gunung. Disebabkan oleh banyak disiplin moral di dunia ini, banyak peraturan, banyak adat, banyak tabiat di negara-negara yang berlainan, ia mengikat dalam kononnya konsep baik dan buruk, bersalah dan tak bersalah ini. Oleh itu, semasa kita berinteraksi dengan orang di dunia ini, kita ada pengalaman baik dan buruk, bersalah dan tak bersalah mengikut adat, tabiat dan undang-undang negara itu. Ia menjadi suatu tabiat, jika kita berfikir macam ini, jika kita buat ini, kita bersalah; kita buat itu, kita ialah orang yang jahat. Semua ini direkodkan di sini. Ini adalah apa yang membuat kita lahir semula dan terikat di dunia fizikal ini atau dunia yang lebih tinggi sikit. Tapi tak cukup tinggi. Kita tak cukup bebas. Kita tak cukup ringan untuk berapung di atas. Disebabkan semua konsep, praanggapan ini.

S: Adakah sudah ditakdirkan kita akan mencapai peringkat tertentu dalam setiap hayat apabila kita dilahirkan?

G: Tidak, kita ada kuasa memilih untuk bergerak dengan lebih cepat atau lebih lambat. Misalnya kereta kita, kita masukkan seratus liter petrol. Tapi kita boleh bergerak dengan lebih cepat dengannya dan sampai ke destinasi dengan lebih cepat atau kita bergerak dengan lebih lambat. Terpulang kepada kita.

S: Saya nak tanya Guru, apakah peringkat malaikat?

G: Apakah peringkat mereka? Oh! Ini bergantung kepada apa jenis malaikat.

S: Malaikat pelindung.

G: Malaikat pelindung boleh sehingga Peringkat Kedua. Malaikat adalah lebih rendah darjatnya daripada manusia. Mereka perlu melayan kita.

S: Mereka tak naik lebih tinggi daripada itu?

G: Tidak! Kecuali semasa mereka boleh menjadi manusia. Mereka semua sangat mencemburui manusia kerana Tuhan tinggal dalam diri mereka. Kita ada segala kemudahan untuk bersatu dengan Tuhan, malaikat tidak. Ini adalah rumit. Saya akan bercakap dengan kalian pada hari yang lain.

Mereka ialah benda yang dibuat untuk kegunaan kita juga, jenis-jenis malaikat yang berlainan. Misalnya jika ia dibuat oleh Tuhan, maka ia dibuat untuk melayan kita dan mereka tak harus, tak perlu naik lebih tinggi. Tapi mereka boleh. Kadangkala sesuatu dibuat dengan tanpa pengaturan untuk memperbaiknya.

Misalnya di rumah kita, sesetengah benda kita buat untuk keserasian sendiri. Meskipun ia sangat baik, misalnya kita duduk di sini dan dapat tutup dan buka lampu di seluruh rumah dan kebun, serta buka dan tutup TV kerana kita menciptanya untuk diri sendiri, namun ini hanyalah untuk melayan kita. Kerana walaupun ia lebih baik daripada kita dalam aspek tertentu, seperti ia boleh duduk di sini dan mengawal segalanya dan kita tak dapat buat begitu dengan keupayaan manusia, namun ini tak bermakna ia lebih baik daripada kita. Ia dibuat untuk tujuan tunggal melayan kita. Walaupun ia lebih baik daripada kita, tetapi tidak. Okey! Baiklah. Komputer takkan menjadi manusia.

S: Guru Ching Hai, saya ingin tahu, oleh sebab kita dalam badan ini sekarang, mungkinkah kita jatuh dari keadaan bebas daripada badan ini sebelumnya? Adakah kita sentiasa dalam keadaan ini atau kita pernah dalam keadaan yang lebih baik sebelumnya atau hanya dalam keadaan ini? Apakah sikap baik atau pembawaan baik untuk bergerak ke depan dengan cepat?

G: Untuk keluar dari badan dan bergerak ke depan? Ya, boleh jika kita tahu caranya. Ada banyak kaedah yang berlainan untuk tinggalkan badan ini dan bergerak melangkaui dunia ini. Sesetengahnya bergerak tidak jauh, sesetengahnya bergerak sangat jauh dan sesetengahnya pergi ke hujung. Mengikut perbandingan yang saya buat dengan kajian yang berlainan sejak saya masih muda, walaupun saya nampak masih muda sekarang, namun waktu itu saya lebih muda, kaedah kami di sini adalah yang terbaik, ya! Pergi ke dunia yang paling jauh, ke hujung.

Ada banyak kaedah yang lain, jika kalian memilih untuk mengalaminya, kalian boleh memilih. Ada banyak di pasar, sesetengahnya pergi ke dunia astral, sesetengahnya pergi ke Dunia Ketiga atau Keempat, tapi tak banyak yang dapat pergi ke Dunia Kelima. Kaedah kami, amalan kami adalah untuk membawa kalian ke Dunia Kelima sebelum membebaskan kalian. Biar kalian pergi sendirian. Lebih tinggi daripada ini kita boleh alami aspek Tuhan yang berlainan, lebih tinggi daripada Alam Kelima, tapi tak sentiasa menyeronokkan.

Kita sentiasa bayangkan lagi tinggi lagi baik, itu tak sentiasa benar. Misalnya kadangkala kita masuk ke dalam istana yang indah dan dijemput ke dalam ruang tamu tuan rumah. Kita duduk di sana dan dihidangkan minuman sejuk, makanan yang enak dan sebagainya. Kemudian kita rasa kita harus masuk lebih dalam sikit ke dalam rumah itu, melihat-lihat. Kita akan masuk ke dalam tempat letak sampah dan banyak benda yang lain di dalam rumah. Ia tak sentiasa penting. Kita masuk ke dalam bilik janakuasa, kita masuk ke dalam bilik tenaga elektrik di belakang rumah, di luar rumah itu dan kena kejutan elektrik, kemudian mati di sana. Jadi tak sentiasa perlu atau direkomendkan untuk masuk lebih dalam tapi kita boleh buat begitu untuk mengembara.

S: Saya ada dua soalan. Satunya ialah ingatan hayat silam datang dari dunia apa, jika kita perlukan ingatan tentang hayat silam? Kedua, bagaimanakah hayat silam berkaitan dengan karma sekarang dan pemahaman seseorang sekarang. Adakah ia sebahagian daripada "bagasi berlebihan"?

G: Ya, ya. Ia berkait rapat. Soalan pertama, dari mana datangnya karma silam? Kita boleh baca rekod hayat silam, itu dia pasti. Rekod hayat silam, seperti yang telah saya beritahu kalian, datang daripada rekod Akashic. Ya. Ini ialah sejenis perpustakaan di Dunia Kedua yang boleh dikunjungi oleh sesiapa yang boleh sampai ke sana. Bukan semua orang boleh pergi ke perpustakaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan masuk ke dalamnya. Tapi saya boleh, misalnya hari ini, kerana saya dijemput untuk bersyarah di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Betul? Bukan semua orang boleh masuk tapi kalian boleh kerana kalian ialah sejenis penetap di sini. Jadi sama juga, apabila kita masuk ke Dunia Kedua, kita dapat baca hayat silam. Apabila kita masuki Dunia Pertama, sebahagian daripadanya, kita dapat lihat sepintas lalu hayat silam seseorang. Tapi itu bukan rekod yang tinggi dan lengkap sangat.

Bagaimanakah pengalaman hayat silam ini berkait dengan karma sekarang? Kita boleh kata bahawa ini ialah pengalaman yang telah kita belajar untuk menghadapi hayat sekarang ini. Apa yang kita asimilasikan pada masa silam, kita akan amalkannya dalam hayat sekarang ini. Sama juga, terlalu banyak pengalaman yang tak menyenangkan pada masa silam akan membuat kita takut semasa kita nampak simbol tertentu yang sangat mirip dengan hayat silam. Misalnya jika dalam hayat silam kita terjatuh dari tangga, kita cedera parah dalam kegelapan dan tiada orang menolong kita, sekarang semasa kita berjalan menuruni tangga, kita akan berasa takut sikit, terutamanya semasa ia adalah dalam dan gelap di bawah, kita akan bergelut dalam hati sama ada turun ke bawah atau tidak. Atau jika dalam hayat silam kita telah belajar dan mengkaji bidang sains dengan dalam. Dalam hayat ini kita akan mendapati kita masih sangat meminatinya. Jadi kita masih ada kecenderungan kepada sebarang jenis kajian sains meskipun kita bukan ahli sains sekarang. Sebarang perkara macam itu.

Itu sebabnya Mozart ialah genius ketika dia berusia empat tahun. Dia pergi terus ke piano dan menjadi terkenal sehingga sekarang. Dia seorang genius kerana dia telah berlatih dalam banyak hayat yang lain sehingga menjadi mahir tetapi meninggal selepas itu. Sebelum dia capai puncak kerjayanya, dia meninggal dan dia berasa tidak puas meninggalkan kerjayanya kerana dia suka akan muzik. Jadi dia kembali dan semua pengalamannya dari bakat muzik silam kembali kepadanya kerana dia ada hasrat yang kuat untuk teruskannya ketika meninggal.

Sesetengah daripada orang ini mempelajari banyak perkara dari Dunia Astral atau Dunia Kedua sebelum mereka lahir semula di dunia ini sekali lagi. Oleh itu, mereka sangat berbakat dalam sains, muzik, sastera atau sebarang jenis ciptaan yang orang lain tak tahu. Ciptaan sangat luar biasa yang orang lain tak dapat faham dan tak dapat mimpikan untuk menciptanya pun. Kerana mereka telah nampaknya, mempelajarinya.

Oleh itu, dua jenis pembelajaran di dunia ini atau di dunia akhirat. Mereka yang berbakat dan cemerlang seperti genius, mereka ialah pakar dari dunia akhirat seperti Dunia Astral, Dunia Kedua, kadangkala dari Dunia Ketiga jika dia memilih untuk kembali. Mereka adalah cemerlang. Ini ialah genius.

**S:** Secara spesifik, inisiasi Guru melibatkan apa dan setelah seseorang terima inisiasi, amalan harian melibatkan apa?

**G:** Pertama sekali, semuanya percuma dan tiada ikatan, kecuali kamu perlu mengikat diri jika ingin terus pergi lebih jauh. Jadi syaratnya, pengalaman tak diperlukan. Pengetahuan tentang mana-mana yoga atau sebarang meditasi tak diperlukan. Tapi kamu perlu amalkan diet vegan sepanjang hayat, tak boleh makan telur. Apa-apa yang lain tanpa pembunuhan boleh dimakan.

Telur kerana ia juga melibatkan separuh pembunuhan meskipun ia tak disenyawakan. Ia juga ada kecenderungan untuk menarik kuasa negatif. Sebab itulah banyak bomoh hitam dan putih atau ahli sihir voodoo menggunakan telur untuk mengeluarkan makhluk halus dari orang yang kena rasuk. Kalian tahu akannya atau tidak? (Sesetengah orang jawab: Ya.) Kalian tahu? Oh, sangat bagus! Sekurang-kurangnya saya ada bukti serta-merta, jika bukan makrifikat serta-merta, untuk kalian. (Gelak ketawa.)

Sewaktu inisiasi, kamu mengalami Cahaya dan Bunyi Tuhan. Muzik roh menarik kamu naik ke peringkat kesedaran yang lebih tinggi. Kamu akan memahami rasa Samadhi, ketenangan dan kegembiraan yang dalam. Lepas itu, kamu terus beramat di rumah jika kamu adalah serius. Jika tidak, saya tak dapat mendesak kamu, saya tak dapat menyusahkan kamu lagi. Jika kamu teruskan dan mahu saya bantu kamu di sepanjang jalan, maka saya teruskan. Macam itulah. Dan bermeditasi selama dua jam setengah sehari. Bangun pada awal pagi, sebelum masuk tidur, bermeditasi dua jam, dan mungkin setengah jam pada waktu makan tengah hari. Semasa saya tiada di sini untuk bersyarah, kamu ada waktu makan tengah hari selama sejam. Kamu boleh bersembunyi di sesuatu tempat dan bermeditasi. Itu sudah pun sejam. Pada waktu malam, kamu bermeditasi sejam lagi atau setengah jam. Pada waktu pagi, bangun lebih awal sejam.

Melaraskan hidupmu, kurang TV, kurang gosip, kurang telefon, kurang surat khabar, maka kamu ada banyak masa. Ya, kita memang ada banyak masa tapi kadangkala kita membazirkan masa kita. Sama seperti kereta kita bergerak di kawasan belakang rumah dan bukan pergi ke Long Island, ya. Adakah kamu puas dengan ini? (Penyoal: Ya!) Tiada syarat untuk kamu, tiada apa-apa yang lain kecuali kamu sendiri menjalani amalan sepanjang hayat ini. Setiap hari kamu mengalami perubahan menjadi lebih baik dan keajaiban yang berlainan untuk hidupmu, bukan kamu hasratkannya. Ia akan berlaku. Kemdian kamu benar-benar mengalami pengalaman syurga di Bumi jika kamu benar-benar serius dengannya. Itu bagaimana beratus-ratus ribu anak murid kami masih mengikut saya selepas banyak tahun kerana mereka mengalami pengalaman yang semakin baik, kerana mereka serius dengannya dan beramal.

S: Sila terangkan sifat kesedaran.

G: Sifat kesedaran, baiklah. Sukar nak terangkannya tapi kamu boleh menggunakan kecerdasanmu untuk membayangkannya. Ia sejenis kebijaksanaan, kamu mengetahui sesuatu dengan lebih banyak daripada sebelumnya. Ya, kamu mengetahui sesuatu di luar dunia ini, kamu mengetahui sesuatu di dunia ini yang kamu tak tahu sebelumnya dan kamu memahami banyak perkara yang kamu tak faham sebelumnya. Itulah kesedaran.

Apabila kamu buka kesedaran ini atau kononnya kebijaksanaan, kamu akan benar-benar faham siapa dirimu, mengapa kamu berada di sini, ada apa lagi di luar dunia ini dan ada siapa lagi selain warga dunia ini. Ada banyak perkara. Jadi peringkat kesedaran ialah tahap pemahaman yang berlainan, sama seperti pemerolehan ijazah di kolej. Lagi banyak kamu belajar, lagi banyak yang kamu tahu, sehingga mendapat ijazah.

Sukar nak terangkan sesuatu yang abstrak tapi saya telah cuba. Ia sejenis rasa sedar. Sukar nak terangkan rasa sedar. Apabila kamu pergi ke peringkat kesedaran yang berlainan, lebih tinggi, rasa sedarmu adalah berlainan. Kamu mengetahui perkara secara berlainan, kamu rasa berlainan. Kamu rasa sangat damai, tenang dan bahagia. Kamu tiada kerisauan dan segalanya dalam kehidupan harianmu menjadi jelas kepadamu. Kamu tahu bagaimana mengendalikan hal dan bagaimana menyelesaikan masalah dengan lebih baik. Ia malah sudah memberi manfaat di peringkat fizikal. Dan di dalam dirimu, perasaanmu, itu hanya kamu yang tahu. Sukar nak terangkan perkara ini. Sama seperti kamu berkahwin dengan gadis yang kamu cintai, bagaimana perasaanmu, itu hanya kamu yang tahu. Tiada orang lain yang dapat rasainya untukmu.

S: Guru yang mulia, terima kasih atas pandangan mendalam yang Guru berikan kepada kami. Saya tertanya-tanya sama ada Guru sanggup menerangkan sesuatu dalam hati saya. Mengapakah begitu banyak Guru di Bumi hari ini memberikan peluang kepada kita untuk belajar dengan begitu cepat sedangkan pada masa dahulu begitu susah? Boleh Guru terangkannya?

G: Ya, pasti boleh. Kerana pada zaman ini, komunikasi lebih baik. Jadi kita tahu lebih banyak tentang Guru-guru, bukanlah pada masa dahulu Guru tak wujud atau Guru tak dapat ditemui. Dah tentu, adalah benar bahawa sesetengah Guru lebih senang ditemui daripada Guru lain. Ini bergantung kepada pilihan atau kesanggupannya untuk memberi atau pertaliannya dengan orang ramai. Tapi pada mana-mana zaman, sentiasa ada satu, dua, tiga, empat, lima Guru. Bergantung kepada keperluan waktu itu. Cuma kita lebih sedar akan kehadiran banyak Guru yang berlainan, mungkin tahap Guru yang berlainan kerana pada zaman ini kita adalah bertuah adanya media massa, televisyen, siaran radio dan buku yang kita cetak sebanyak berjuta-juta, beribu-ribu juta buah dalam masa yang singkat.

Pada zaman dahulu, kita nak cetak buku, kita perlu menebang seluruh pokok dulu lalu memotongnya dengan kapak buruk yang rosak dalam masa yang singkat dan tak dapat digunakan, perlu mengasahnya dengan batu dan sebagainya, serta mengukir perkataan demi perkataan. Semasa kita nak memindahkan seluruh set Bible, ia memerlukan seluruh konvoi, trak besar jika kita ada trak pada masa itu. Jadi itu sebabnya kita tahu akan banyak Guru.

Ya, jadi kamu bertuah, ini sangat baik untuk kamu yang ada, kamu boleh membeli-belah, memilih apa yang kamu mahu. Jadi tiada orang yang dapat menipu kamu dan kata, "Saya paling baik." Ya, kamu boleh membuat perbandingan dan gunakan kebijaksanaan, kecerdasanmu untuk menilai, "Oh, yang ini lebih baik," atau "Saya lebih suka yang itu," "Muka kelihatan dahsyat," "Oh, yang itu hodoh." (Gelak ketawa.)

S: Memandangkan Guru bercakap tentang membeli-belah, akankah

Guru menimbangkan untuk memberi inisiasi kepada seseorang yang telah diberi inisiasi oleh Guru lain?

G: Saya akan berikannya hanya jika orang benar-benar percaya bahawa saya lebih mampu membawanya ke peringkat yang lebih tinggi dengan lebih cepat. Jika tidak, lebih baik mengikut Guru sendiri jika seseorang masih rasa sangat terikat dan sangat mempercayai Guru itu. Jika kamu dah percaya Gurumu adalah yang terbaik, maka jangan ubah. Jika kamu masih ada keraguan dan masih belum mendapat Cahaya dan Bunyi yang saya katakan, maka kamu harus cuba. Ya, kerana Cahaya dan Bunyi ialah ukuran standard bagi Guru sebenar. Jika sesiapa tak dapat memberikan Cahaya atau Bunyi serta-merta kepadamu, dia bukan Guru sebenar, minta maaf. Jalan ke surga dilengkapi dengan Cahaya dan Bunyi.

Sama seperti kita menyelam ke dalam laut, kita perlu dilengkapi dengan topeng oksigen dan sebagainya. Ada benda untuk tujuan-tujuan yang berlainan. Sebab itulah kamu lihat semua santo ada halo pada mereka. Itu ialah Cahaya. Semasa kamu amalkan kaedah ini, kamu memancarkan Cahaya yang sama seperti yang orang lukis pada gambar Nabi Isa dan orang dapat lihatnya. Jika orang itu adalah psikik, mereka dapat lihat Cahayamu. Sebab itulah mereka melukis Nabi Isa dengan halo dan Buddha dengan Cahaya di sekeliling mereka. Kamu dapat lihat pengalaman tahap tinggi ada Cahaya ini jika ini dah buka. (Guru menunjukkan mata kebijaksanaannya.) Banyak orang dapat lihatnya. Ada sesiapa daripada kalian yang ada di sini yang nampak? Kamu? Apakah yang kamu nampak?

S: Saya dapat lihat aura.

G: Ya, tapi aura berbeza dengan Cahaya. Aura ialah warna-warna yang berlainan, kadangkala hitam, kadangkala berwarna kopi, kadangkala kuning atau merah. Bergantung kepada resminya pada masa itu. Tapi semasa kamu lihat orang yang ada aura spiritual yang kuat, kamu tahu ia berbeza. Betul?

S: Saya tiada soalan. Saya pernah amalkan yoga raja untuk seketika. Rasanya saya nampak aura juga. Maksud saya pada masa itu, saya tiada pengetahuan, pemahaman yang banyak.

G: Kamu tak nampaknya sekarang? Kamu hanya nampaknya kadangkala?

S: Tidak, saya tak bermeditasi sekarang.

G: Oh, itu sebabnya kamu hilang kuasamu. Harus bermeditasi semula. Jika kamu masih percaya kepada kaedah itu, kamu harus bermeditasi. Ia membantu ke tahap tertentu. Ia tak memudaratkan. Okey?

S: Saya nampak dalam risalah Guru bahawa ada lima garis panduan. Setelah menerima inisiasi, kita perlu hidup mengikut lima garis panduan ini?

G: Ya, ya, ya. Ini ialah hukum alam semesta.

S: Saya tak memahami “berzina”.

G: Ini bermakna jika kamu dah ada seorang suami, jangan mempertimbangkan yang kedua. (Gelak ketawa.) Sangat mudah. Buat hidupmu mudah, tiada kerumitan dan pergaduhan kerana emosi. Ya. Ini menimbulkan perasaan sakit hati bagi orang lain. Kita tak mencederakan orang lain dari segi emosi pun. Macam itulah. Kita cuba elakkan konflik, penderitaan emosi, fizikal dan mental bagi semua orang, terutamanya orang tersayang kita, itu saja.

Jika dah ada, jangan beritahunya. Ini lagi menyakitkan semasa kamu beritahu. Selesaikannya saja dengan perlahan-lahan dan diam-diam, tak membuat pengakuan kepadanya. Kerana kadangkala orang ingat jika mereka ada hubungan asmara, mereka balik rumah dan membuat pengakuan kepada isteri atau suaminya, itu sangat bijak dan jujur. Karut. Itu tak berguna. Kamu dah membuat kesilapan, mengapa membawa sampah ke dalam rumah dan biar orang lain nikmatinya? Jika dia tak tahu tentangnya, dia tak rasa begitu teruk. Mengetahuinya adalah menyakitkan. Jadi kita cuba menyelesaikan masalah ini dan tak melakukannya lagi, itu saja. Lebih baik tak bercakap dengan pasangan tentangnya kerana ini akan menyakitkannya.

S: Saya mendapati bahawa banyak Guru spiritual ada rasa humor yang besar. Apakah hubungan humor dengan amalan spiritual?

G: Oh, agaknya mereka rasa gembira, relaks dan riang terhadap segala-galanya. Mereka boleh mengetawakan diri dan orang lain, mengetawakan perkara yang tak masuk akal dalam hidup ini sedangkan banyak orang berpaut padanya dan sangat serius terhadapnya.

Lepas kita beramal, kita menjadi "longgar", kita tak rasa begitu serius lagi. Jika kita mati esok, kita mati; jika kita hidup, kita hidup. Jika kita hilang segala-galanya, kita hilang segala-galanya; jika kita ada segala-galanya, kita ada segala-galanya. Kita ada kebijaksanaan dan keupayaan yang mencukupi selepas makrifat untuk menjaga diri dalam setiap situasi. Jadi kita tak takut akan apa-apa. Ketakutan kita hilang, kerisauan kita hilang. Sebab itulah kita adalah relaks. Kita rasa tak terikat kepada dunia ini. Apa-apa yang kita dapat atau hilang tak banyak bererti kepada kita lagi. Jika kita mendapat banyak benda, itu hanya untuk memanfaatkan orang, kita menawarkannya, dan untuk memanfaatkan orang tersayang. Jika tidak, kita tak menganggap diri kita atau hidup kita begitu penting untuk menempuh segala kesusahan dan penderitaan bagi memeliharanya. Jika kita memeliharanya, bagus juga. Ini tak bermakna kita duduk di atas katil berpaku sepanjang hari dan bermeditasi. Tapi kita bekerja.

Misalnya saya masih bekerja. Saya hasilkan lukisan dan kraf tangan untuk mencari nafkah. Jadi saya tak nak menerima derma daripada sesiapa pun. Pendapatan saya begitu banyak sehingga dapat membantu orang. Saya dapat membantu pelarian, mangsa bencana dan sebagainya. Mengapa tak harus kita bekerja? Tapi kita ada begitu banyak bakat dan keupayaan, hidup begitu senang bagi kita lepas makrifat sehingga kita rasa tak perlu risau. Kita relaks dengan sendirinya. Itu bagaimana lahirnya rasa humor. Agaknya macam itu.

Adakah kalian rasa saya penuh humor? (Audiens: Ya.) (Gelak ketawa dan tepukan.) Maka saya pasti seorang Guru, kan? (Gelak ketawa.) Biar kita harap begitu demi kebaikan kalian, agar kalian tak mendengar kata-kata orang yang tak bermakrifat selama dua jam, membazirkan masa kalian.

S: Bagi soalan yang kami sebagai pencari spiritual tanya, kami sentiasa mendapat teori dan cerita, dan saya ingin dengar kata-kata Guru tentangnya. Yang pertama adalah siapakah kita? Siapakah saya? Bagaimanakah saya terjebak dalam kesulitan dan perlu balik ke Rumah? Bagaimanakah saya tinggalkan Rumah dan mengapakah balik ke Rumah adalah penting? Guru berkata tentang balik ke Alam Kelima dan tak semestinya penting untuk naik lebih tinggi daripada itu. Tapi jika ada yang lebih tinggi daripada itu, maka apakah tujuannya? Apakah hubungannya dengan saya jika saya tak semestinya perlu balik ke sana?

G: Menjadi penuh humor sekarang. (Gelak ketawa dan tepukan.) Baiklah. Berkenaan dengan soalan "Siapakah saya?" kamu boleh pergi tanya guru Zen yang ada banyak sekali di Negeri New York. Kamu boleh lihat dalam Muka Surat Kuning dan cari seorang. (Gelak ketawa.) Saya tak mengkhusus dalamnya.

Kedua, "Mengapakah kamu di sini?" Mungkin kerana kamu suka berada di sini. Jika tidak, siapa boleh memaksa kita berada di sini kerana kita ialah anak Tuhan. Kononnya anak Tuhan adalah seperti Tuhan sendiri. Bukan? Seorang putera adalah sama dengan raja dalam aspek tertentu atau lebih kurang seperti raja atau raja masa depan. Jadi hanya semasa dia ingin berada di sesuatu tempat, baru akan dia berada di sana. Kita ada kuasa memilih untuk berada di syurga atau di tempat lain untuk mengalaminya sendiri. Barangkali kamu telah memilih untuk berada di sini pada mulanya, berzaman-zaman dahulu, untuk mempelajari sesuatu yang lebih penuh cabaran, lebih menakutkan. Sesetengah orang suka akan pengalaman yang menakutkan.

Misalnya putera boleh berada di istana tetapi dia boleh merayau-rayau di hutan kerana suka menerokai benda dalam alam semula jadi. Mungkin begitu. Mungkin kita rasa begitu bosan di syurga kerana segala-galanya dah disediakan dan diberikan di pintu istana, jadi kita nak lakukan sesuatu untuk diri sendiri. Sama seperti keluarga diraja, kadangkala mereka ingin memasak untuk diri sendiri dan tak mahu pelayan di sisi mereka. Mereka mencomotkan diri dengan sos tomato dan minyak di mana-mana saja, tapi mereka sukakannya. Tak kelihatan seperti putera tapi mereka sukakannya.

Misalnya saya ada orang yang memandu untuk saya. Ke mana-mana saja saya pergi, orang suka menjadi pemandu saya. Tapi kadangkala saya suka memandu sendiri. Saya menunggang motosikal roda tiga kecil yang tak berasap, berkuasa elektrik, sepuluh kilometer sejam. Saya suka pergi ke sana sini dengan begitu. Kerana ke mana-mana saja saya pergi, orang banyak mengecam saya, jadi kadangkala saya nak pergi ke tempat yang orang tak mengenali saya. Saya sangat pemalu kecuali semasa saya perlu memberi syarahan, kerana ia telah menjadi suatu tugas sekarang sejak orang menjemput saya dan membuat saya terkenal sehingga sekarang. Saya tak dapat larikan diri dengan begitu kerap tetapi kadangkala saya memang larikan diri, selama dua, tiga bulan. Sama seperti isteri yang dimanjakan yang larikan diri dari suaminya. Jadi itu pilihan saya.

Jadi mungkin kamu memilih untuk berada di sini untuk seketika. Mungkin sekarang dah sampai masanya kamu nak pergi kerana kamu telah belajar dengan mencukupi tentang dunia ini, kamu rasa bahawa tiada apa-apa lagi yang nak kamu pelajari dan kamu dah letih membuat perjalanan. Kamu nak berehat. Balik Rumah, berehat dulu, kemudian lihat sama ada kamu nak pergi sekali lagi atau tidak, membuat perjalanan yang penuh cabaran. Itu saja yang boleh saya kata sehingga sekarang.

Dan mengapa perlu kamu balik Rumah? Mengapa Dunia Kelima dan bukan Dunia Keenam? Ini terpulang kepada kamu. Lepas Dunia Kelima, kamu boleh pergi ke mana-mana saja yang kamu mahu. Ada banyak peringkat lagi di atas. Tapi tinggal di sana adalah lebih selesa, lebih neutral. Di atasnya terlalu kuat kuasanya, mungkin macam itu. Kamu boleh pergi untuk seketika tapi mungkin kamu tak nak berehat di sana.

Misalnya rumahmu adalah cantik, sesetengah bahagian rumah adalah untuk tandas dan kamu tak nak berehat di sana selama-lamanya meskipun ia di luar rumahmu. Ia kelihatan di atas bukit dan lebih tinggi, lebih cantik tapi itu bukan tempat untuk berehat. Atau di bahagian kuasa elektrik di dalam rumahmu, ada generator, kacau, kuat, panas dan berbahaya. Jadi kamu tak nak berada di sana walaupun ia banyak membantu rumahmu. Itu saja.

Ada banyak aspek Tuhan yang tak dapat kita bayangkan. Kita sentiasa bayangkan lagi tinggi kita naik, lagi penyayang. Tapi ada jenis kasih yang berlainan. Ada kasih kasar, kasih kuat, kasih lembut, kasih neutral. Jadi ini bergantung kepada berapa banyak yang dapat kita tahan. Tuhan akan berikan tahap kasih yang berlainan. Betul. Peringkat-peringkat yang berlainan menawarkan tahap kasih daripada Tuhan yang berlainan. Tapi kadangkala ia terlalu kuat, kita rasa hancur berkecai.

S: Saya lihat begitu banyak kemusnahan berlaku di sekeliling saya, kemusnahan alam sekitar. Kekejaman terhadap haiwan. Saya tertanya-tanya bagaimana Guru lihat ini dan apa yang boleh Guru rekomendkan kepada orang yang cuba membebaskan diri dari dunia ini secara spiritual, membantu mereka menghadapi persekitaran mereka dan segala kemusnahan yang berlaku di sekeliling mereka. Adakah Guru rasa bahawa bergerak melangkaui dunia ini dah mencukupi untuk tinggalkannya atau Guru rasa bahawa kita yang berada di alam ini bertanggungjawab untuk mengurangkan penderitaan? Akankah ini berguna?

G: Ia berguna. Sekurang-kurangnya untuk kita, untuk hati nurani kita agar kita rasa bahawa kita melakukan sesuatu dan telah cuba sedaya upaya untuk mengurangkan penderitaan saudara kita. Saya sentiasa buat begitu. Apa-apa pun yang kamu minta, saya lakukan. Saya sentiasa lakukannya.

Saya dah beritahu kamu, wang kami diagihkan kepada pertubuhan-pertubuhan yang berlainan, kadangkala, atau negara-negara yang berlainan semasa mereka alami bencana. Saya tak nak banyak bercakap tentangnya tetapi memandangkan kamu tanya, misalnya, kami membantu Filipina tahun lalu untuk letupan Gunung Pinatubo. Kami juga membantu mangsa banjir di Au Lac, mangsa banjir di China dan sebagainya. Sekarang kami cuba membantu pelarian Au Lac untuk bantu meringankan beban PBB, jika PBB mahu kami bantu. Tapi kami cuba. Kami membantu mereka dengan sokongan kewangan dan kami juga boleh menempatkan mereka semula jika PBB mengizinkannya, dengan berkat PBB.

Ya, jadi kami lakukan segalanya yang kamu minta ini dan juga memandangkan kita dah berada di sini, kita bersihkan persekitaran kita sebanyak yang boleh. Oleh itu, kami bantu mengurangkan penderitaan dan meningkatkan standard moral dunia ini, dari segi spiritual dan fizikal. Ya. Kerana sesetengah orang tak mahukan kerohanian daripada saya. Mereka hanya mahukan bantuan fizikal. Jadi kita bantu mereka dari segi fizikal. Ini apa yang kami lakukan, sebab itulah saya perlu mendapatkan wang. Sebab itulah saya tak nak hidup dengan sumbangan orang.

Semua biksu dan anak murid saya perlu bekerja, sama seperti kamu. Di samping itu, kami membantu dari segi spiritual juga, dan bantu mengurangkan penderitaan dunia ini. Kita perlu melakukannya. Tak bermakna kita duduk dalam Samadhi sepanjang hari dan menikmatinya. Itu Buddha (orang bermakrifat) yang sangat mementingkan diri. Kita tak mahukannya di sini. (Gelak ketawa.)

**S:** Guru bercakap tentang peringkat di mana orang sedar bahawa mereka ada kuasa yang datang daripada kesedaran itu. Sekarang bagaimana jika kita sedar akan kuasa ini, kita tak tahu bahawa kita adanya tapi kita sedar akannya? Kita malah boleh rasa bahawa kita adanya. Bagaimanakah kita menggunakan atau tak menggunakannya? Jika kita tak menggunakan, macam mana kita tak menjadi tak sabar dengan proses yang berjalan di sekeliling kita? Seperti kita lihat proses adalah lambat sedangkan kita tahu bahawa kita boleh berdoa saja atau lakukan sesuatu yang lain untuk mendatangkan penyelesaian yang lebih baik atau lebih cepat. Apakah maksud ini dan bagaimanakah seseorang menggunakan dengan berkat agar ia akan menjadi tiada masalah? Adakah Guru faham maksud saya?

**G:** Saya faham. Saya faham. Maksud kamu adalah sedangkan kita ada kuasa untuk mengubah perkara dan semasa perkara di sekeliling dijalankan dengan cara birokrasi dan lambat, macam mana kita ada kesabaran untuk menahannya. Betul? Atau kita berdoa saja atau melakukan keajaiban atau mendesaknya. Betul? Tidak, saya ada kesabaran kerana kita perlu bekerja mengikut kelajuan dunia ini supaya tidak mengucar-ngacirkannya. Ya.

Misalnya seorang kanak-kanak tak dapat berlari. Tak boleh kerana kamu bergegas atau nak berlari, kamu membuat kanak-kanak tersandung dan terjatuh. Jadi kita perlu bersabar. Walaupun kita ada kuasa untuk berlari, kita berjalan bersama kanak-kanak, ya. Sebab itulah kadangkala saya juga kecewa dan tak sabar tapi saya perlu mengajar diri supaya bersabar. Sebab itulah saya perlu pergi menyembah sujud kepada presiden demi presiden untuk pelarian walaupun kami ingin tambahkan sokongan kewangan. Kami akan berikan segala-galanya yang kami ada, berjuta-juta dolar atau malah berbilion-bilion. Kita perlu melalui sistem birokrasi. Kita menerima sebarang keadaan.

Saya takkan menggunakan kuasa ajaib pada PBB untuk membuat mereka berlari pun. Tidak, tidak. Kita menyebabkan bencana di dunia ini jika kita menggunakan kuasa psikik, kuasa ajaib. Kita harus mengikut keadaan. Tapi kita boleh meningkatkan kesedaran orang dengan penyembuhan spiritual, kebijaksanaan spiritual dan pemahaman. Memberikan pengetahuan kepada mereka supaya mereka sanggup melakukannya dan bekerjasama. Itu cara yang terbaik, bukan menggunakan kuasa ajaib. Saya tak menggunakan kuasa ajaib secara sengaja dalam sebarang aspek hidup. Tapi keajaiban berlaku dengan sendirinya di sekeliling pengamal spiritual. Ia berlaku dengan sendirinya, bukan dengan sengaja, bukan cuba mendesak. Ya, itu tak baik. Kanak-kanak tak dapat berlari. Boleh? Kamu puas dengan jawapan saya?

Jika mana-mana jawapan saya tak sesuai dengan kalian, biarlah saya tahu kerana saya boleh terangkan lagi. Tapi saya percaya kalian sangat cerdik, sebagai orang terpilih yang paling cerdik dari semua negara. Oleh itu, saya tak begitu banyak menghuraikannya.

Ada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah baik, saya mesti kata. Ya, ya. Kita menghapuskan banyak konflik dan peperangan di dunia walaupun kita tak dapat meminimumkannya dengan sepenuhnya. Tapi saya ada baca buku Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Setiap orang ialah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Saya ada mengikuti sesetengah usaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Saya mesti memuji usaha dan kecekapannya dalam menyelamatkan orang tebusan yang tak dapat orang lain selamatkan. Semua kuasa dunia tak dapat menyelamatkan mereka tapi seorang pesuruhjaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berjaya melakukannya. Ya, dan banyak perkara lain tentang bantuan bencana, masalah pelarian.

Kalian ada kira-kira dua belas juta orang pelarian, saya dengar, tanggungjawab kalian. Bukan? Itu kerja yang banyak, dan perperangan dan segala-galanya. Jadi ada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah baik, ya! Sangat baik.

S: Terima kasih, Guru Ching Hai, kerana berkongsi kebijaksanaan Guru dengan kami. Saya ada satu soalan. Ia adalah tentang pertambahan populasi dunia serta masalah kemusnahan alam sekitar yang timbul daripadanya dan peningkatan permintaan terhadap makanan. Inginkah Guru mengomen sesuatu tentang pertambahan populasi dunia ini? Adakah ini karma dunia? Atau adakah ini akan mewujudkan jenis karma tertentu pada masa depan?

G: Ada lebih banyak orang untuk dunia ini adalah sangat baik juga. Mengapa tidak? Lebih penuh sesak, lebih riuh-rendah, lebih seronok. Bukan? (Gelak ketawa.) Bukanlah penduduk berlebihan, memang. Cuma kita tak tersebar dengan sekata. Orang bertumpu di kawasan tertentu di dunia dan tak nak berpindah ke kawasan lain. Itu saja. Kita ada begitu banyak kawasan tanah terbiar yang luas yang tak digunakan, banyak pulau dara, banyak dataran tinggi yang luas yang hanya hijau dengan hutan dan tiada apa-apa pun di sana. Orang suka bertumpu di New York, misalnya, (Gelak ketawa.) kerana lebih seronok di sini. Jika kerajaan mampu mewujudkan jenis pekerjaan dan industri yang berlainan di tempat-tempat yang berlainan, orang akan pergi ke sana juga untuk bekerja. Mereka bertumpu di tempat-tempat tertentu kerana lebih senang mencari pekerjaan di sini atau selamat. Jika keselamatan, jaminan hidup dan peluang pekerjaan wujud di tempat-tempat lain, orang akan pergi ke sana juga. Mereka akan pergi untuk jaminan hidup, untuk mata pencarian.

Jadi kita tak harus takut akan penduduk yang berlebihan. Kita harus lebih terancang untuk memberi lebih banyak manfaat peluang pekerjaan, perumahan dan jaminan hidup kepada orang di dunia. Dengan itu semua tempat adalah sama. Penduduk takkan berlebihan.

Berkenaan dengan soalanmu tentang makanan, kamu seharusnya tahu lebih banyak kerana di Amerika kita ada begitu banyak maklumat tentang bagaimana memelihara dunia ini. Diet vegan adalah salah satu yang terbaik untuk memelihara sumber dunia, menyara seluruh populasi Bumi kerana kita membazirkan banyak makanan vegetarian, tenaga, tenaga elektrik dan ubat untuk menternak haiwan sedangkan ia boleh menyara orang lain secara terus. Banyak negara Dunia Ketiga menjual makanan vegetarian yang kaya dengan protein dengan harga yang lebih murah. Tapi ini tak membantu populasi negara-negara lain di dunia. Jika kita sebarkan semua makanan secara sekata, dan diet vegan, ini akan membantu, bukan sahaja untuk diri sendiri dan haiwan tetapi untuk seluruh dunia juga.

Suatu kajian, dalam majalah, mereka dah kata bahawa jika semua orang di dunia makan makanan vegan, dunia takkan kebulur lagi. Kita perlu merancang juga. Saya tahu ada orang yang boleh membuat dedak padi menjadi makanan yang berkhasiat dan malah susu. Sebelumnya kita telah bercakap tentangnya. Dia kata bahawa dia membelanjakan kira-kira tiga ratus ribu dolar dan dia dapat menyara enam ratus ribu orang di Ceylon, mereka yang miskin, yang kurang pemakanan, golongan ibu dan sebagainya. Ini adalah hebat. Kerana cara kita melakukannya di banyak tempat di dunia adalah kita membazirkan sumber semula jadi, bukanlah kita tiada sumber yang mencukupi. Tuhan takkan meletakkan kita di sini untuk berlapar. Sebenarnya kita mengebulurkan diri sendiri.

Jadi kita perlu berfikir semula dan merancang semula, ini memerlukan berkat banyak kerajaan negara. Mereka perlu memberkati kita dengan kejujuran, kebersihan, maruah, semangat berkhidmat untuk orang dan bukan menjaga kepentingan diri. Jika kita ada berkat ini daripada semua kerajaan negara, kita memang tiada masalah. Tiada masalah.

Kita perlu ada kepimpinan, pengurusan ekonomi dan pentadbiran yang baik serta kerajaan yang jujur. Tapi ini boleh wujud dengan lebih cepat semasa banyak orang atau kebanyakan orang atau semua orang menjadi spiritual. Maka mereka tahu akan disiplin. Maka mereka tahu akan rukun. Maka mereka tahu bagaimana menjadi jujur dan bersih. Maka mereka tahu bagaimana menggunakan kebijaksanaan mereka. Maka mereka dapat memikirkan banyak perkara untuk dibuat dan merancang semula hidup kita.

S: Ini kelihatan sangat susah kerana sebagaimana yang saya lihat, sebagaimana yang saya faham, banyak kemasuhan alam sekitar hari ini berkaitan dengan peningkatan permintaan populasi terhadap lebih banyak ruang tinggal, rumah serta hidup seperti yang kita tahu dan ingin jalani pada abad ke-20.

Katakan hutan di Brazil, kemasuhan alam sekitar di sana, kemasuhan hutan hujan di sana. Tanah terdedah dan ini menyebabkan banjir. Ini bukan tak berkaitan dengan masalah penduduk berlebihan.

G Ya, segalanya saling berkaitan di dunia ini, dah tentu. Satu-satunya penyelesaian adalah menyelesaiannya dari akar, bukan dahan. Akar ialah kestabilan spiritual. Faham? (Tepukan.)

Jadi apa yang perlu kita buat adalah cuba menyebarkan mesej spiritual, apa yang kita tahu dan mematuhi disiplin spiritual. Ini apa yang orang tiada. Tak apa juga jika kita memasang mesin elektrik dan alami sedikit cahaya dan muzik dan masuki Samadhi. Tapi jika tak bermoral, maka kadangkala kita hanya menggunakan kuasa untuk perkara buruk, tak dapat mengawalnya.

Sebab itulah dalam kumpulan ini, kami mematuhi, mengajar orang garis panduan dulu. Garis panduan adalah penting. Kita perlu tahu ke mana kita pergi dan mengendalikan Kuasa kita. Kuasa tanpa kasih sayang, tanpa belas kasihan, tanpa pemahaman nilai moral yang betul, adalah tak berguna. Ia menjadi kuasa ajaib hitam, menyalahgunakannya. Ya. Kuasa ajaib hitam datang dari situ.

Jadi mendapat makrifat adalah senang, mengekalkannya adalah sukar. Dalam kaedah kami, jika kita tak benar-benar berdisiplin dan bermoral, Guru akan mengambil sebahagian daripada Kuasa kita agar kita tak dapat menyalahgunakannya dan melakukan perkara buruk terhadap masyarakat. Itu perbezaannya. Guru mengawalnya, Kuasa Guru, okey?

Ya, saya rasa sangat gembira dengan semua soalan kalian yang bijak. Sangat bijak.

Orang melakukan perkara ini kerana mereka tak cukup bijak, seperti penyalahgunaan tanah yang kamu katakan atau melakukan sesuatu kerana kekurangan kebijaksanaan. Ya, jadi akarnya ialah kebijaksanaan, amalan spiritual. Mendapat makrifat.

Terima kasih atas perhatian kalian. Semoga kalian selamat sejahtera.

## Inisiasi: Kaedah Quan Yin

Guru Ching Hai memberi inisiasi kepada orang ikhlas yang ingin mengetahui Kebenaran ke dalam kaedah meditasi Quan Yin. Huruf Cina "Quan Yin" bermaksud tafakur pada Getaran Bunyi. Kaedah ini termasuklah meditasi pada Cahaya dalaman dan Bunyi dalaman. Visi dalaman ini telah digambarkan secara berulangan dalam kepubstakaan spiritual semua agama di dunia sejak zaman dahulu lagi.

Misalnya, Bible Kristian menyatakan, *Pada mulanya ialah Getaran, Getaran adalah bersama Tuhan dan Getaran ialah Tuhan.* (John 1:1) Getaran ini ialah Bunyi dalaman. Ia juga dipanggil Logos, Shabd, Tao, Arus Bunyi, Naam atau Muzik Firdausi. Guru Ching Hai berkata, *Ia bergetar dalam semua hidupan dan memelihara seluruh alam semesta. Melodi dalaman ini dapat menyembuhkan segala luka, memakbulkan segala hasrat dan menghilangkan segala dahaga duniawi. Ia sangat berkuasa dan penuh Kasih Sayang. Oleh sebab kita dibuat daripada Bunyi ini, berhubung dengannya membawa ketenangan dan kepuasan kepada hati kita. Selepas mendengar Bunyi ini, seluruh diri kita berubah, seluruh pandangan tentang hidup banyak berubah menjadi lebih baik.*

Cahaya dalaman, Cahaya Tuhan, ialah Cahaya yang sama yang dirujuk dalam perkataan "enlightenment" (makrifat). Intensitinya bolehlah dari sinar pudar ke keterangan seperti berjuta-juta matahari. Melalui Cahaya dan Bunyi dalaman inilah kita mengenali Tuhan.

Inisiasi ke dalam Kaedah Quan Yin bukanlah ritual esoterik atau upacara untuk memasuki agama baru. Semasa inisiasi, arahan spesifik untuk meditasi pada Cahaya dalaman dan Bunyi dalaman diberikan, dan Guru Ching Hai memberikan "Transmisi Spiritual". Rasa Kehadiran Tuhan yang pertama ini diberikan secara senyap. Guru Ching Hai tidak perlu hadir secara fizikal untuk membuka "pintu" ini untuk anda. Transmisi ini ialah bahagian penting kaedah ini. Teknik ini sendiri akan membawa manfaat yang sedikit sahaja dengan tanpa berkat Guru.

Oleh sebab anda boleh terdengar Bunyi dalaman dan ternampak Cahaya dalaman dengan serta-merta semasa inisiasi, kejadian ini kadangkala dipanggil sebagai "makrifat tiba-tiba" atau "makrifat serta-merta".

Guru Ching Hai menerima orang dari semua latar belakang dan agama untuk inisiasi. Anda tidak perlu menukar agama atau sistem kepercayaan anda. Anda tidak akan diminta untuk menyertai sebarang pertubuhan atau mengambil bahagian dalam apa-apa yang tidak sesuai dengan gaya hidup anda sekarang.

Walau bagaimanapun, anda akan diminta supaya menjadi vegan. Amalan diet vegan sepanjang hayat ialah prasyarat untuk menerima inisiasi.

Inisiasi ditawarkan secara percuma.

Amalan kaedah meditasi Quan Yin setiap hari dan mematuhi Lima Garis Panduan adalah satu-satunya keperluan selepas inisiasi. Mematuhi Lima Garis Panduan mencegah anda daripada mencederakan diri atau mana-mana makhluk hidup lain. Amalan ini akan mendalamkan dan meneguhkan pengalaman makrifat awal anda dan akhirnya membolehkan anda mencapai peringkat kesedaran tertinggi. Tanpa amalan harian, anda hampir pasti akan lupa akan makrifat anda dan kembali ke peringkat kesedaran biasa.

Matlamat Guru Ching Hai adalah mengajar kita supaya menjadi mampu diri. Oleh itu, beliau mengajarkan kaedah yang boleh diamalkan oleh semua orang dengan sendiri tanpa sebarang alatan atau perlengkapan. Beliau tidak cuba mendapatkan pengikut, pemuja atau anak murid, atau menubuahkan pertubuhan yang mempunyai yuran keahlian. Beliau tidak akan menerima wang, sembah sujud atau hadiah daripada anda, jadi anda tidak perlu menawarkan ini kepadanya.

Beliau akan menerima keikhlasan anda dalam kehidupan harian dan amalan meditasi untuk menjadi orang suci.

## Lima Garis Panduan

1. Tidak mencederakan sebarang makhluk hidup\*.
2. Tidak mengatakan apa yang tidak benar.
3. Tidak mengambil apa yang bukan milik sendiri.
4. Tidak berzina.
5. Tidak menggunakan intoksikan\*\*.

\* Garis panduan ini menghendaki amalan diet vegan yang ketat. Tidak boleh makan daging, hasil tenuku, ikan, ayam itik atau telur (tersenyawa atau tidak tersenyawa).

\*\* Ini termasuk mengelakkan segala jenis racun seperti arak, dadah, tembakau, perjudian, pornografi serta filem, kepustakaan atau permainan video yang berunsur terlalu ganas.

**O**rang suci ialah manusia sepenuh. Mansua sepenuh adalah suci sepenuhnya. Sekarang kita hanyalah separuh manusia. Kita melakukan perkara dengan ragu-ragu, kita melakukan perkara dengan ego. Kita tidak percaya bahawa Tuhanlah yang mengatur semua ini untuk kita nikmati, untuk kita alami. Kita mengasingkan dosa dan kebaikan. Kita membesar-besarkan segala-segalanya serta mengadili diri sendiri dan orang lain. Kita mempunyai pembatasan sendiri tentang apa yang harus Tuhan buat. Faham? Sebenarnya Tuhan adalah di dalam diri kita tetapi kita membatasi-Nya. Kita ingin berseronok dan main tetapi tak tahu bagaimana. Kita hanya berkata kepada orang lain, ‘Ah, kamu tak harus buat itu,’ dan kepada diri sendiri, ‘Aku tak harus buat itu. Aku tak boleh buat ini. Jadi kenapa harus aku menjadi vegan?’ Ya, saya tahu. Saya seorang vegan kerana Tuhan dalam diri saya menghendakinya.”

~ Mahaguru Ching Hai ~

**S**emasa kita adalah murni dalam perbuatan, pertuturan dan fikiran kita, untuk sesaat pun, dewa-dewi dan malaikat pelindung akan menyokong kita. Pada saat itu, seluruh alam semesta adalah milik kita dan menyokong kita, dan takhta menunggu kita.”

~ Mahaguru Ching Hai ~

# Kebaikan Diet Vegan

Maklumat disusun oleh ahli-ahli persatuan

Amalan diet vegan ialah prasyarat untuk inisiasi ke dalam Kaedah Quan Yin.

Makanan daripada sumber tumbuhan dibenarkan dalam diet ini tetapi semua makanan yang lain daripada sumber haiwan, termasuk telur tidak harus dimakan. Terdapat banyak sebab untuk ini tetapi yang paling penting datang daripada Garis Panduan Pertama yang menasihati kita supaya tidak mencederakan sebarang makhluk hidup atau *Anda tidak harus membunuh*.

Tidak membunuh atau mencederakan makhluk hidup lain memberi manfaat yang ketara kepada mereka. Yang kurang ketara adalah tidak mencederakan makhluk lain adalah sama bermanfaat kepada diri sendiri. Mengapa? Kerana Hukum Karma: *Apa yang anda semaikan, anda akan mendapatnya*. Semasa kita membunuh atau menyebabkan orang lain membunuh untuk kita bagi memuaskan nafsu terhadap daging, kita mewujudkan hutang karma dan hutang ini mesti dibayar balik akhirnya.

Jadi dalam erti kata yang sebenarnya, mengamalkan diet vegan ialah hadiah yang kita berikan kepada diri sendiri. Kita berasa lebih selesa, kualiti hidup kita meningkat kerana beban hutang karma dikurangkan dan kita ditawarkan untuk memasuki alam syurga visi dalaman. Ini sangat berbaloi bagi sedikit harga yang perlu kita bayar!

Alasan spiritual untuk tidak makan daging adalah menyakinkan bagi sesetengah orang tetapi terdapat sebab-sebab lain untuk menjadi vegan. Semuanya berasaskan akal budi. Ia berkaitan dengan isu kesihatan peribadi dan pemakanan, ekologi dan alam sekitar, etika dan penderitaan haiwan serta kebuluran dunia.

## Kesihatan dan Pemakanan

Kajian tentang evolusi manusia telah menunjukkan bahawa leluhur kita ialah vegetarian secara semula jadi. Struktur badan manusia adalah tidak sesuai untuk pemakanan daging. Ini telah ditunjukkan dalam sebuah eseи tentang anatomi perbandingan oleh Dr. G.S. Huntington dari Universiti Columbia. Dia menunjukkan bahawa karnivor mempunyai usus kecil dan besar yang pendek. Usus besar mereka sangat lurus dan licin. Sebaliknya, haiwan vegetarian mempunyai usus kecil dan besar yang panjang. Disebabkan oleh kandungan serat yang rendah dan kandungan protein yang tinggi dalam daging, usus tidak memerlukan masa yang panjang untuk menyerap khasiat. Oleh itu, usus karnivor lebih pendek daripada haiwan vegetarian.

Manusia, seperti haiwan vegetarian semula jadi yang lain, mempunyai usus kecil dan besar yang panjang. Kedua-dua usus kita adalah sepanjang kira-kira 28 kaki (8.5 meter). Usus kecil berlipat berkali-kali dan dindingnya berlingkar, tidak licin. Oleh sebab ia lebih panjang daripada yang terdapat dalam karnivor, daging yang kita makan berada di dalam usus kita untuk tempoh masa yang lebih panjang. Kesannya, daging boleh menjadi busuk dan mewujudkan toksin. Toksin ini telah dikaitkan sebagai punca barah kolon dan ia juga meningkatkan beban pada hati yang berfungsi untuk menyingsirkan toksin. Ini boleh menyebabkan sirosis, malah barah hati.

Daging mengandungi banyak protein urokinase dan urea yang menambahkan beban ginjal dan boleh merosakkan fungsi ginjal. Terdapat 14 gram protein urokinase dalam setiap paun stik. Jika sel hidup dimasukkan ke dalam protein urokinase cecair, fungsi metabolismenya akan merosot. Tambahan pula, daging kekurangan selulosa atau serat dan kekurangan serat boleh menyebabkan sembelit. Telah diketahui bahawa sembelit boleh menyebabkan barah rektum atau buasir.

Kolesterol dan lemak tepu dalam daging juga menyebabkan penyakit jantung. Penyakit jantung ialah punca utama kematian di Amerika dan sekarang di Formosa.

Barah ialah punca kematian yang kedua besar. Eksperimen menunjukkan bahawa pembakaran dan pemanggangan daging mewujudkan unsur kimia (Methylcholanthrene) yang merupakan sejenis karsinogen yang kuat.

Kebanyakan orang menganggap bahawa daging adalah bersih dan selamat, terdapat pemeriksaan yang dibuat di semua rumah sembelih. Terdapat terlalu banyak lembu, khinzir, ayam, itik dan sebagainya dibunuh untuk dijual setiap hari dan tidak dapat diperiksa setiap satunya. Sangat sukar untuk memeriksa sama ada sekeping daging mempunyai barah di dalamnya, apalagi memeriksa setiap haiwan. Sekarang industri daging hanya memotong kepala semasa ia bermasalah atau memotong kaki yang berpenyakit. Hanya bahagian yang buruk dibuang dan yang selebihnya dijual.

Vegetarian terkenal, Dr. J.H. Kellogg berkata, "Semasa kita makan makanan vegetarian, kita tak perlu risau tentang makanan mati akibat penyakit apa. Ini menjadikan hidangan menggembirakan!"

Terdapat satu lagi kerisauan. Antibiotik serta ubat lain, termasuk steroid dan hormon pertumbuhan sama ada ditambahkan ke dalam makanan haiwan atau disuntik terus ke dalam haiwan. Telah dilaporkan bahawa orang yang makan haiwan ini akan menyerap ubat ini ke dalam badan mereka. Ada kemungkinan antibiotik dalam daging mengurangkan keberkesanan antibiotik untuk manusia.

